

The background features a complex arrangement of overlapping geometric shapes in shades of grey, gold, and white. A faint, stylized illustration of a building with a vaulted roof is visible in the center-left. The overall design is modern and architectural.

1

PENGURUSAN DAN PROSPEK EKONOMI

Pengurusan dan Prospek Ekonomi

Pengurusan dan Prospek Ekonomi

Tinjauan

Ekonomi Malaysia berkembang dengan lebih kukuh pada tahun 2014 disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan dan prestasi eksport yang lebih baik berikutan pemulihan ekonomi dunia. Aktiviti ekonomi domestik yang kukuh didorong oleh pelaburan swasta yang menggalakkan dan perbelanjaan penggunaan yang teguh. Sepanjang separuh pertama 2014, Malaysia mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi di negara maju, khususnya Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) dan pemulihan kawasan euro. Pertumbuhan ekonomi yang kukuh di negara Asia termasuk China, India dan negara utama *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) meningkatkan perdagangan serantau yang membawa kepada prestasi eksport Malaysia yang lebih baik. Sementara itu, peningkatan permintaan barangan elektronik dunia di samping penurunan inventori turut menyumbang kepada pencapaian yang lebih baik dalam sektor luaran.

Prestasi menggalakkan ini membuktikan bahawa Malaysia berada di landasan yang betul ke arah mencapai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Pelaksanaan program dan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) seiring dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah menghasilkan banyak faedah ekonomi yang memanfaatkan rakyat. Kerajaan terus komited melaksanakan langkah untuk mengubah dan menyusun semula ekonomi bagi memastikan kemampanan jangka panjang. Sementara itu, dasar monetari dan fiskal yang akomodatif akan terus menyokong pertumbuhan di samping memastikan kesejahteraan rakyat dalam menangani kos sara hidup yang semakin

meningkat. Dengan mengambil kira prestasi yang kukuh pada separuh tahun pertama, KDNK dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi antara 5.5% hingga 6% pada tahun 2014 (2013: 4.7%). Ekonomi negara terus disokong oleh asas makroekonomi yang teguh dengan tabungan dan rizab yang tinggi, kadar inflasi yang terkawal dan pasaran buruh yang stabil serta sistem kewangan yang kukuh.

Bajet 2014 dilaksanakan dengan tujuan memastikan ekonomi mengekalkan momentum pertumbuhan yang kukuh; memantapkan kewangan awam; meningkatkan modal insan; memperhebat pembangunan bandar dan luar bandar; serta menggalakkan kesejahteraan rakyat. Sejumlah RM262.2 bilion diperuntukkan untuk pelbagai strategi, program dan projek. Antara bidang tumpuan utama termasuk merencanakan aktiviti ekonomi dengan memberi penekanan kepada sektor perkhidmatan, koridor pertumbuhan wilayah dan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS); meneruskan konsolidasi fiskal bagi memastikan kemampanan fiskal kewangan awam; dan mempergiat lagi usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat. Dalam aspek operasi fiskal, penubuhan Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC) pada 2013 telah menyediakan satu platform untuk memacu pembaharuan fiskal komprehensif bagi mengurangkan defisit serta menguruskan paras hutang tanpa menjejaskan momentum pertumbuhan.

Penilaian Prestasi - 2014

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh melebihi jangkaan sebanyak 6.3% pada separuh pertama 2014. Pertumbuhan mantap ini disokong oleh permintaan domestik berdaya tahan dan juga pemulihan yang kukuh dalam eksport. Prestasi yang memberangsangkan

ini disokong oleh asas makroekonomi yang kukuh dan kepelbagaian struktur ekonomi serta kemantapan sistem kewangan. Sumbangan utama adalah perbelanjaan sektor swasta yang berkembang 8.4% dan menyumbang 71.4% kepada ekonomi. Sepanjang separuh pertama 2014, pelaburan swasta telah melonjak 13% kepada RM78.7 bilion dengan peningkatan sumbangan jumlah pelaburan kepada 68.9%. Selaras dengan inisiatif transformasi Kerajaan, pertumbuhan pelaburan dijangka kekal kukuh pada separuh kedua 2014 dengan pengembangan pesat pelaburan swasta. Bagi sektor luaran, pemulihan eksport disokong oleh peningkatan ekonomi di negara maju, terutamanya AS dan UK seiring dengan kenaikan permintaan elektronik global. Perkembangan ini telah memulihkan kembali eksport kasar sebanyak 10.7% dalam tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: -2.8%). Walau bagaimanapun, sementara ekonomi dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang baik, masih terdapat cabaran yang perlu ditangani berikutan ketidakpastian persekitaran ekonomi global, harga komoditi yang sederhana dan peningkatan kos sara hidup. Sementara itu, dasar fiskal dan monetari akan terus menyokong momentum pertumbuhan.

Operasi Fiskal

Kerajaan akan terus melaksanakan langkah konsolidasi fiskal di samping menyokong pertumbuhan ekonomi dan memastikan kesejahteraan rakyat dengan matlamat mencapai bajet berimbang menjelang 2020. Langkah ini termasuk memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan di samping memberi penekanan kepada keperluan meneruskan langkah penyesuaian fiskal untuk mencapai strategi jangka sederhana dan mengurangkan defisit fiskal secara berperingkat kepada 3.5% KDNK pada 2014. Langkah ini akan membuka ruang fiskal bagi Kerajaan menyokong ekonomi dalam menghadapi kejutan luaran. Komitmen Kerajaan dalam pembaharuan fiskal juga akan menambah keyakinan pelabur serta meningkatkan daya saing negara. Antara langkah utama 2014 termasuk inisiatif penjimatan kos perbelanjaan dan mengoptimalkan kemudahan

kerajaan. FPC yang ditubuhkan pada 2013 memainkan peranan dalam mengukuhkan kewangan awam dan memastikan kestabilan makroekonomi jangka panjang. Jawatankuasa ini bersidang secara berkala untuk mengkaji pelbagai isu dalam kemampuan fiskal jangka sederhana.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Dalam tempoh enam bulan pertama 2014, Kadar Dasar Semalaman (OPR) dikekalkan pada 3.00% memandangkan keadaan monetari terus menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan. Walau bagaimanapun, kadar inflasi meningkat secara berperingkat disebabkan oleh peningkatan kos dalam negeri yang tinggi dan dijangka kekal melebihi purata jangka panjang, di samping pertumbuhan prospek yang teguh. Kesannya, OPR telah dinaikkan 25 mata asas (bps) daripada 3.00% kepada 3.25% pada 10 Julai 2014. Tahap dasar monetari yang membantu juga diselaraskan untuk mengurangkan risiko ketidakseimbangan ekonomi dan kewangan yang lebih luas boleh menjejaskan prospek pertumbuhan jangka panjang ekonomi. Pengamalan dasar monetari kekal menyokong ekonomi dengan kadar baharu OPR dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) dikekalkan pada 4.00%.

Sistem kewangan Malaysia terus berdaya tahan sepanjang tempoh tujuh bulan pertama walaupun mengalami ketidakstabilan dalam pasaran kewangan global dan domestik. Pengantaraan kewangan terus disokong sepenuhnya oleh institusi kewangan yang kukuh dan keadaan pasaran kewangan yang teratur. Permodalan sistem perbankan kekal tinggi dengan nisbah jumlah modal utama melebihi tahap pengawalseliaan minimum pada akhir Jun 2014.

Malaysia terus memainkan peranan penting untuk menggalakkan pembangunan industri kewangan Islam global. Bagi segmen sukuk, Malaysia menawarkan platform pelbagai mata wang untuk mengumpul dana antarabangsa. Pasaran sukuk disokong oleh rangka kerja pengawalseliaan yang teguh, platform penemuan harga yang

cekap serta pasaran sukuk primer yang meluas dan pasaran sekunder yang aktif. Inisiatif ini menarik pengeluar sukuk asing untuk terus meletakkan Malaysia sebagai platform pilihan bagi terbitan sukuk. Malaysia terus menerajui terbitan sukuk global dengan sumbangan 63% atau USD41.7 bilion daripada jumlah sukuk global yang diterbitkan dan 57.3% atau USD161 bilion daripada sukuk terkumpul global dalam tempoh separuh pertama 2014. Penyertaan syarikat kewangan dan firma perkhidmatan profesional tempatan dalam menyediakan nasihat dan perkhidmatan kewangan Islam di peringkat antarabangsa telah menyerlahkan kepakaran Malaysia dalam pasaran sukuk.

Pencapaian Strategik Bajet 2014

Bajet 2014 terus memberi fokus bagi merancang pelaksanaan program transformasi negara untuk merangsang prestasi ekonomi, mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan serta meningkatkan kesejahteraan rakyat. Langkah ini telah diterapkan dalam tema Bajet 2014, “Memperteguh Ketahanan Ekonomi, Memperkasa Transformasi dan Melaksana Janji”. Lima teras telah dikenal pasti dalam Bajet ini iaitu mempergiat aktiviti ekonomi; mengukuh pengurusan fiskal; memupuk budaya kecemerlangan modal insan; mempertingkatkan pembangunan bandar dan luar bandar; dan mensejahterakan rakyat. Selaras dengan teras ini, Kerajaan telah memperuntukkan RM262.2 bilion iaitu RM217.7 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM44.5 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Teras Pertama: Mempergiat Aktiviti Ekonomi

Kerajaan terus melaksanakan dasar pro-pertumbuhan dan menyediakan persekitaran mesra perniagaan bagi menarik pelaburan dan mengupaya aktiviti sektor swasta untuk berkembang. Bagi merealisasikan matlamat ini, beberapa inisiatif telah diumumkan dalam Bajet 2014, termasuk merancang sektor perkhidmatan; mempromosi industri penerbangan dan sektor pelancongan; memperluas akses Internet dan memperkukuh sektor logistik. Inisiatif lain termasuk memperkukuh pasaran modal; mempromosi

skim persaraan; mengukuh perusahaan kecil dan sederhana (PKS); meningkat rantai nilai dalam sektor pertanian; membangun usahawan dan merancang pembangunan wilayah.

Merancang Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan kekal sebagai pemacu pertumbuhan telah menyumbang 54.9% kepada KDNK pada separuh pertama 2014. Memandangkan kepentingannya, Pelan Induk Sektor Perkhidmatan sedang digubal untuk membangun dan mengukuhkan daya saing sektor ini. Pelan Tindakan tersebut memfokuskan kepada empat bidang iaitu pengantarabangsaan termasuk liberalisasi dan eksport perkhidmatan; penyediaan insentif cukai dan bukan cukai yang cekap, pembangunan modal insan dan pelaksanaan pembaharuan kawal selia sektor perkhidmatan. Pelaksanaan Pelan ini akan membolehkan sektor perkhidmatan mencapai sasaran 60% sumbangan KDNK pada 2020, setanding dengan negara maju.

Mempromosi Industri Penerbangan

Industri penerbangan di Malaysia berpotensi untuk berkembang pesat berdasarkan peningkatan jumlah penumpang dan kargo yang dikendalikan di lapangan terbang seluruh negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Bagi mempromosi industri penerbangan di Malaysia, Kerajaan sedang menggubal Dasar Penerbangan Kebangsaan untuk menggariskan pelan strategik yang menyeluruh dan langkah bagi mempercepat perkembangan industri ini.

Sementara itu, Kerajaan memperuntukkan RM493.9 juta untuk menaik taraf lapangan terbang di Sabah dan Sarawak bagi meningkatkan kecekapan operasi dan memenuhi peningkatan penumpang. Projek tersebut meliputi pembinaan kaunter tambahan daftar masuk dan imigresen serta pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) dan eskalator baharu. Daripada jumlah ini, RM271 juta diperuntukkan untuk menaik taraf lapangan terbang di Kota Kinabalu dan Sandakan. Sehingga Ogos 2014, RM126 juta

telah dibelanjakan. Sementara itu, bagi pembangunan lapangan terbang di Miri, Sibu dan Mukah, RM222.9 juta diperuntukkan dan sehingga Ogos 2014, RM198 juta dibelanjakan untuk pembangunan projek tersebut.

Mempromosi Sektor Pelancongan

Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2014 dijangka menarik 28 juta pelancong untuk melawat Malaysia. Kerajaan mengadakan program promosi di dalam dan luar negara secara intensif termasuk Grand Prix Formula 1 Petronas, Festival Muzikal Hutan Hujan Sedunia, Kejohanan Dunia Perlumbaan Udara Red Bull 2014, Tatu Antarabangsa KL 2014, Pesta Layang-Layang Antarabangsa, Perlumbaan Formula E FIA 2014 dan Jualan Akhir Tahun Malaysia. Sebanyak RM65.5 juta diperuntukkan bagi program pelancongan dan sehingga Ogos 2014, RM32.5 juta telah dibelanjakan. Walaupun berlaku beberapa kejadian yang tidak diingini, Malaysia mampu menarik 11.5 juta pelancong sepanjang lima bulan pertama 2014.

Tabung Khas Infrastruktur Pelancongan ditubuhkan di bawah Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dengan jumlah peruntukan RM2 bilion bertujuan menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam menyediakan infrastruktur pelancongan yang baik. Tabung ini menyediakan pembiayaan kos tambahan projek baharu atau sedia ada tidak termasuk modal kerja dan pengambilan tanah. Pembiayaan minimum ialah RM5 juta, manakala pembiayaan maksimum adalah RM100 juta atau maksimum 80% daripada jumlah kos projek. Sehingga akhir Julai 2014, sejumlah RM173 juta dikeluarkan.

Memperluas Akses Internet

Kerajaan terus meningkatkan usaha menyediakan kebolehcapaian perkhidmatan jalur lebar merangkumi kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Fasa pertama jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) telah dilancarkan pada Mac 2010 di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI). Sehingga Mei 2014, inisiatif ini

telah menarik 723,014 pelanggan dengan 2.5 juta port dipasang seluruh negara. Sementara itu, Kerajaan telah memulakan fasa kedua HSBB dengan meluaskan liputan terutamanya di kawasan bandar dengan Internet berkelajuan 100 mega bit sesaat (Mbps). Projek kerjasama awam-swasta ini akan menyambungkan 250,000 port HSBB dan memanfaatkan 2.8 juta isi rumah. Projek ini dijangka meningkatkan kadar penembusan jalur lebar isi rumah kepada 75% sehingga akhir 2015. Setakat Jun 2014, kadar purata penembusan jalur lebar isi rumah mencatat 67.2% dengan kadar tertinggi direkodkan di Kuala Lumpur dengan 115.7%.

Dalam usaha Kerajaan merapatkan jurang digital, Tabung Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) digunakan untuk membina 1,000 menara pemancar telekomunikasi di kawasan pedalaman seluruh negara dengan kepadatan penduduk 80 orang setiap kilometer persegi. Sehingga akhir Jun, 875 menara telah dibina. Kadar penembusan jalur lebar isi rumah di Sabah (52.8%) dan Sarawak (53.4%) adalah lebih rendah berbanding kadar purata nasional iaitu 67.2% pada suku tahun pertama 2014. Usaha telah diambil untuk membina kabel dasar laut yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah dalam tempoh tiga tahun bagi meningkatkan kebolehcapaian, kebolehpercayaan dan kemampuan mengakses Internet di negeri tersebut. Kabel dasar laut ini akan dihubungkan melalui lima kluster dengan anggaran sejauh 3,500 km.

Mengukuh Sektor Logistik

Sistem logistik yang cekap akan membantu aliran lancar barangan dan perkhidmatan di dalam dan luar negara. Sektor ini memainkan peranan strategik dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing serata industri. Menyedari kepentingan ini, Kerajaan sedang merangka satu pelan induk sektor logistik bertujuan meningkatkan daya saing sektor tersebut dan meletakkan Malaysia sebagai hab logistik serantau. Pelan induk tersebut juga memberi tumpuan kepada pembaharuan rangka kerja kawal selia dan institusi serta memudahkan perdagangan.

Bagi menggalakkan pembangunan industri maritim, Kerajaan memperuntukkan RM3 bilion untuk Tabung Pembangunan Maritim di bawah BPMB bagi memudahkan pembiayaan semua jenis perkapalan, pengambilan tanah, pembangunan infrastruktur, pembinaan kapal, mesin dan modal kerja bagi industri berkaitan maritim. Tabung tersebut menawarkan pembiayaan Syariah dan konvensional. Pembiayaan minimum ialah RM1 juta untuk modal kerja, manakala RM5 juta untuk pembiayaan aset kekal. Pembiayaan maksimum adalah sehingga RM500 juta bagi setiap pemohon. Sehingga Julai 2014, sejumlah RM17 juta diagihkan untuk pembiayaan aktiviti berkaitan maritim.

Mengukuh Pasaran Modal

Bagi membolehkan pasaran modal meningkatkan daya saing pada peringkat global, beberapa langkah dilaksanakan termasuk mempromosi Malaysia sebagai pasaran untuk Pelaburan Tanggungjawab Sosial (SRI). Bagi mencapai matlamat ini, Garis Panduan Sukuk telah disemak semula dengan memasukkan rangka kerja SRI agar memudahkan pewujudan ekosistem yang kondusif kepada pelabur dan penerbit SRI. Selari dengan peningkatan trend bon hijau dan bon berimpak sosial, rangka kerja SRI memudah dan menggalakkan pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab. Peruntukan tambahan Garis Panduan ini termasuk penggunaan dana, kelayakan projek SRI, keperluan penzahiran dan pelaporan serta pelantikan badan bebas. Sukuk SRI boleh digunakan untuk membiayai projek penjimatan tenaga, penggunaan tenaga boleh diperbaharui seperti solar serta membina hospital awam, sekolah atau rumah mampu milik dan membangunkan harta wakaf. Sekiranya sukuk ditawarkan kepada pelabur runcit, penerbit sukuk SRI perlu melantik badan bebas bagi menilai projek dan mendedahkan maklumat tersebut di dalam prospektus. Penerbit juga perlu memaklumkan secara terperinci jumlah dana yang digunakan untuk projek tersebut dalam laporan tahunan. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai 28 Ogos 2014.

Mempromosi Skim Persaraan

Kerajaan terus komited menyediakan kerangka sosial yang mampan dan kukuh untuk memastikan simpanan yang mencukupi selepas persaraan. Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia (SP1M) diperkenalkan pada 2010 manakala Skim Persaraan Swasta (PRS) pada 2012. Dalam usaha menggalakkan lebih ramai rakyat menyertai SP1M, Kerajaan telah meningkatkan sumbangannya daripada 5% kepada 10% atau jumlah maksimum daripada RM60 kepada RM120 setahun, berkuat kuasa 1 Januari 2014. Jumlah pencarum mencapai 72,648 dengan jumlah simpanan RM317.3 juta sehingga akhir Ogos 2014. Bagi PRS pula, insentif RM500 secara *one-off* diberi kepada pencarum berumur antara 20 hingga 30 tahun yang menyertai skim ini dengan pelaburan minimum terkumpul RM1,000 dalam tempoh setahun. Sehingga Jun 2014, kira-kira 10,000 pencarum menyertai skim ini. Sejak PRS dilancarkan, jumlah nilai aset bersih daripada 11 skim dan 44 dana persaraan telah mencapai kira-kira RM418 juta.

Mengukuh Perusahaan Kecil dan Sederhana

PKS memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan. Pada masa ini, 97.3% daripada perniagaan dalam ekonomi terdiri daripada PKS dan menyumbang 33.1% kepada KDNK. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengukuhkan peranan PKS bagi meningkatkan sumbangan kepada ekonomi.

Bagi menggalakkan PKS meningkatkan rantai nilai melalui langkah peningkatan produktiviti, Kerajaan memperuntukkan RM100 juta di bawah program Pinjaman Mudah PKS. Tambahan RM10 juta disalurkan kepada *Lean Transformation Programme*. Program ini dijangka akan melengkapkan kira-kira 300 PKS dengan teknik dan pendekatan praktikal untuk mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti. Selain inisiatif pembangunan, Kerajaan turut menyediakan dana latihan untuk

industri khusus seperti multimedia kreatif, pelancongan serta pembuatan termasuk robotik dan mesin. Program ini dijangka menarik lebih 1,300 peserta.

Selain itu, Kerajaan telah meluaskan skop bantuan kepada peniaga pasar malam dengan memperkenalkan Skim Usahawan Peniaga Pasar Malam melalui peruntukan RM100 juta bagi menampung kos perniagaan seperti modal kerja, sewa tapak, bahan mentah dan peralatan perniagaan. Kemudahan ini disasarkan untuk membantu usahawan tempatan berdaftar di pasar malam yang telah dikenal pasti di seluruh negara dan dijangka akan dilaksanakan pada suku keempat 2014.

Meningkat Rantaian Nilai Sektor Pertanian

Pertanian kekal sebagai sektor penting bagi menjana pendapatan petani dan nelayan, memastikan bekalan makanan yang mencukupi dan membangunkan potensi industri asas tani. Kerajaan terus mempergiat usaha untuk merencanakan sektor pertanian, terutama melalui pelaksanaan projek komersial berimpak tinggi dan berdaya maju. Pada 2014, RM6 bilion diperuntukkan bagi meningkat rantaian nilai dalam sektor pertanian. Antara langkah yang dilaksanakan adalah memperkukuh peranan strategik Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) melalui pelbagai inisiatif untuk meningkatkan eksport hasil pertanian tempatan di bawah konsep “dari ladang ke pasaran eksport”. Bagi mempromosi buah-buahan dan hasil pertanian, Agro Bazar telah dibuka di luar negara. Agro Bazaar pertama dibuka di Singapura pada Jun 2014 dengan memasarkan pelbagai produk berkualiti yang mempunyai permintaan tinggi seperti nangka madu, rambutan, manggis dan durian. FAMA dijangka membuka lebih banyak Agro Bazaar di luar negara termasuk Hong Kong bagi menembusi pasaran luar serta mempromosikan produk berasaskan pertanian dan buah-buahan yang berkualiti tinggi. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, eksport buah-buahan telah meningkat 44.7% kepada RM298.8 juta.

Bagi pasaran domestik, FAMA menyasarkan penambahan pasar tani di seluruh negara pada 2014 untuk rakyat membeli produk segar ladang pada harga berpatutan. Pada masa ini, terdapat 549 pasar tani dengan 32 pasar tani baharu dibuka dalam tempoh lapan bulan pertama 2014, melibatkan kira-kira 24,979 usahawan. Kegiatan pasar tani telah menjana jualan berjumlah RM469 juta dan dijangka mencecah RM747 juta sehingga akhir 2014. Bagi meringankan beban rakyat menghadapi kenaikan harga makanan, terutama golongan berpendapatan rendah, Kerajaan melancarkan kempen “jimat belanja dapur” yang menawarkan diskaun harga antara 5% hingga 20% bagi 32 produk terpilih di pasar tani.

Selain itu, bagi meningkatkan lagi pendapatan petani, FAMA memperkenalkan konsep karavan tani yang menggalakkan jualan hasil tanaman ladang secara bergerak. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2014, sebanyak 16 petani telah terlibat dengan konsep perniagaan ini. Bagi program usahawan gerai buah-buahan segar, reka bentuk seragam diperkenalkan untuk meningkatkan imej yang lebih baik untuk menarik pelanggan. Melalui penampilan baharu ini, pengusaha sedemikian akan dapat mengembangkan perniagaan dan meningkatkan keuntungan melalui pengurusan gerai yang cekap, seragam dan efektif. Kerajaan menyasarkan pembukaan 100 gerai buah-buahan segar tambahan pada 2014 dan 48 gerai dibuka sehingga akhir Ogos 2014.

Kerajaan menyediakan bantuan kepada petani untuk meringankan beban peningkatan kos pengeluaran dan menjamin kelangsungan hidup. Bagi mencapai objektif ini, RM2.4 bilion diperuntukkan dalam bentuk subsidi dan insentif, termasuk RM2.2 bilion untuk industri padi. Sehingga akhir Julai 2014, RM1.3 bilion telah dibelanjakan. Sementara itu, bagi menggalakkan nelayan lebih produktif, Kerajaan memperuntukkan insentif RM241 juta untuk meningkatkan hasil pendaratan ikan. Insentif ini telah memanfaatkan 56,000 nelayan dalam tempoh separuh pertama 2014.

Membangun Usahawan

Usahawan memainkan peranan penting dalam ekonomi daripada aspek sumbangan ke atas kemajuan ekonomi dan peluang pekerjaan. Pelbagai langkah diambil untuk meningkatkan penyertaan usahawan melalui penambahbaikan akses kepada pembiayaan dan kemahiran serta khidmat nasihat. Pada 2013 Kerajaan berjaya menganjurkan Sidang Kemuncak Keusahawanan Global (GES) Ke-4, yang menghimpunkan pemimpin dunia, usahawan global dan penceramah terkenal untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman keusahawanan. Kerajaan terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memacu keusahawanan seperti penubuhan Pusat Inovasi & Kreativiti Global Malaysia (MaGIC); Usahawan 1Malaysia (1MeT); dan program Tabung Usahawan Siswazah.

MaGIC ditubuhkan untuk menyediakan ekosistem komprehensif kepada usahawan dan membantu mereka menjadi pemain di peringkat antarabangsa. MaGIC menyediakan pusat sehati bagi perkhidmatan yang diperlukan oleh usahawan.

MaGIC memberi fokus untuk menarik usahawan tempatan dan antarabangsa berbakat dengan menyediakan infrastruktur sokongan, akses kepada permulaan modal serta latihan dan kerjasama dengan pusat penyelidikan, universiti dan organisasi antarabangsa. Pada Oktober 2014, MaGIC melancarkan Program e@Standford, satu program keusahawanan bersama Universiti Stanford untuk meningkatkan usahawan tempatan berpotensi tinggi dan usahawan terpilih akan dihantar bagi mendapatkan pendedahan intensif di University Stanford diikuti *networking* di Lembah Silikon. Kerajaan memperuntukkan RM50 juta kepada MaGIC dan sehingga Ogos 2014, RM9.4 juta telah dibelanjakan. Sementara itu, program 1MeT bertujuan memberi inspirasi dan memupuk budaya keusahawanan di kalangan belia dengan memberi pendedahan kepada ciri utama keusahawanan, jenis, peluang dan risiko dalam persekitaran perniagaan. Usahawan 1MeT yang komited akan diberi bimbingan tambahan menerusi program MaGIC. Sehingga Ogos 2014, seramai lebih 7,000 orang telah dilatih, dan melebihi sasaran 5,000 orang setiap tahun.

MaGIC – Ekosistem Komprehensif Bagi Usahawan

Pengenalan

Usahawan memainkan peranan penting dalam ekonomi oleh kerana inovasi, kreativiti dan kesanggupan mereka mengambil risiko boleh menjana kekayaan serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan negara berpendapatan tinggi. Perkara ini dapat dilihat daripada kejayaan usahawan global seperti Steve Jobs, Bill Gates, Mark Zuckerberg dan Richard Branson serta usahawan tempatan seperti Tony Fernandes, Syed Mokhtar, Jimmy Choo dan Pua Khein-Seng yang menjadi sumber inspirasi kepada belia dan usahawan lain.

Menyedari kepentingan peranan usahawan, Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif bagi memacu keusahawanan. Inisiatif yang telah diambil termasuk menubuhkan entiti khusus, menyediakan dana, insentif dan program pembangunan kapasiti serta mewujudkan saluran khas di institusi perbankan bagi membantu usahawan. Kerajaan giat mempromosi keusahawanan memandangkan usahawan berpotensi tinggi untuk berkembang dan meningkatkan sumbangan kepada ekonomi dari segi pewujudan pekerjaan, eksport dan sumbangan kepada KDNK.

Sumbangan PKS

Lazimnya, kebanyakan usahawan bermula sebagai syarikat permulaan sebelum berkembang menjadi perusahaan mikro (mempunyai kurang daripada lima pekerja) dan kemudian menjadi perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Sebahagian PKS yang berjaya akhirnya akan menjadi syarikat tersenarai awam.

PKS adalah dominan dalam ekonomi Malaysia yang mewakili 97.3% daripada jumlah penubuhan perniagaan. Sebahagian besar PKS terlibat dalam sektor perkhidmatan. Pada 2013, PKS menyumbang sebanyak 59% kepada guna tenaga, 19% kepada eksport dan 33% kepada KDNK. Pelan Induk PKS 2012 – 2020 menyasarkan peningkatan sumbangan PKS sebanyak 62% kepada guna tenaga, 25% kepada eksport dan 41% kepada KDNK menjelang tahun 2020.

Pembiayaan kepada PKS

PKS mempunyai akses kepada pelbagai sumber pembiayaan seperti pembiayaan sendiri, dana khusus Kerajaan, institusi perbankan, pemodal teroka, pelabur budiman dan *crowd funding*. Institusi perbankan kekal sebagai sumber utama pembiayaan PKS dengan sumbangan melebihi 85% manakala geran Kerajaan kekal sebagai pembiaya utama bagi syarikat permulaan dengan sumbangan sebanyak 90%.

MaGIC

Pusat Inovasi & Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) ditubuhkan bagi memenuhi keperluan untuk menghubungkan semua sumber usahawan yang sedia ada, menangani jurang dalam ekosistem dan memacu negara ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. MaGIC merupakan satu daripada inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Penubuhan MaGIC sebagai pusat sehati bagi menyediakan sokongan kepada ekosistem syarikat permulaan di Malaysia adalah tepat pada masanya seiring dengan kemunculan pesat syarikat permulaan yang mempunyai trajektori pertumbuhan lebih pantas serta memanfaatkan teknologi untuk berkembang dan memperoleh bahagian pasaran serantau atau global. Tambahan pula, penembusan pesat Internet mudah alih sebanyak 116% dan telefon selular sebanyak 143% di Malaysia turut membantu usahawan mengembangkan lagi syarikat mereka. MaGIC memberi tumpuan dan memupuk usahawan untuk mewujudkan syarikat permulaan yang berprestasi tinggi sekaligus melahirkan bakat berkemahiran tinggi. Usaha ini akan meletakkan Malaysia di peta dunia sebagai peneraju syarikat permulaan di Asia.

Pelancaran Bersejarah

Penubuhan MaGIC telah diumumkan semasa Sidang Kemuncak Keusahawanan Global (GES) ke-4 yang diadakan pada 11 Oktober 2013 di Kuala Lumpur. Di bawah Bajet 2014, sejumlah RM50 juta telah diperuntukkan untuk membiayai kos operasi MaGIC. MaGIC telah ditubuhkan dalam jangka masa yang singkat bagi memenuhi keperluan untuk mewujudkan ekosistem yang komprehensif bagi syarikat permulaan. Pelancaran MaGIC merupakan satu detik bersejarah kerana ia dilancarkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib, Perdana Menteri Malaysia bersama Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama semasa lawatan julungnya ke Malaysia pada 27 April 2014.

Ekosistem yang Komprehensif

Cyberjaya merupakan hab teknologi global negara dengan lebih daripada 500 syarikat berteraskan teknologi yang terlibat dalam pelbagai aktiviti, termasuk syarikat permulaan, multimedia kreatif, R&D, penyumberan luar dan pengurusan data. Oleh itu, lokasi MaGIC di Cyberjaya bersesuaian dengan peranannya sebagai pusat sehati bagi memenuhi keperluan usahawan, memanfaatkan kemudahan dan masyarakat IT yang dinamik di Cyberjaya. MaGIC menyediakan ekosistem komprehensif untuk usahawan dengan kemudahan seperti mendapatkan pembiayaan bank dan pemodal teroka, menyediakan *accelerator* kepada syarikat permulaan yang baru membangun untuk menambahbaik produk dan perkhidmatan, membantu pendaftaran harta intelek, dan memberikan kemudahan untuk latihan, bimbingan dan mentor. MaGIC berhasrat untuk menarik bakat tempatan dan global terbaik dan membantu mereka berkembang menjadi usahawan berjaya dengan menyediakan ekosistem

yang memudahcara. Inisiatif ini akan memberi inspirasi kepada anak muda dan usahawan baharu lain untuk menceburi bidang keusahawanan, sekaligus menyumbang kepada peningkatan kelompok usahawan dan membantu merubah Malaysia menjadi sebuah negara keusahawanan yang dinamik.

Membantu Usahawan Membina Syarikat Permulaan yang Mampu Berkembang Pesat

MaGIC perlu menonjolkan kelainan memandangkan terdapat pelbagai agensi terlibat dalam pembangunan keusahawanan. Sehubungan itu, MaGIC memberi tumpuan kepada penyediaan sokongan yang diperlukan untuk usahawan daripada pelbagai sektor dalam ekosistem memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran syarikat permulaan untuk membangunkan perniagaan yang mampu berkembang pesat. Ciri-ciri perniagaan yang mampu berkembang termasuk seperti berikut:

- Model perniagaan yang mampu berkembang dan mempunyai potensi untuk berjaya atau memberi impak di peringkat global.
- Jangkauan pelanggan yang meluas dan lazimnya didorong oleh keazaman untuk memperoleh pasaran.
- Menarik minat pemodal teroka disebabkan pulangan yang tinggi dan mampu berkembang.
- Trajektori matang mengambil tempoh lebih singkat.

MaGIC berbeza daripada agensi lain kerana dikendalikan oleh usahawan untuk usahawan serta menggalakkan dan membantu usahawan untuk berkembang ke luar negara. MaGIC juga membina ekosistem lestari bagi usahawan untuk berkembang maju dengan membantu memenuhi keperluan dalam kitaran hayat syarikat permulaan iaitu daripada fasa penjanaan idea sehingga membantu usahawan mendapat strategi pemisah yang berdaya maju bagi perniagaan mereka.

Cabaran

MaGIC telah menganjurkan siri dialog dengan usahawan untuk lebih memahami cabaran yang dihadapi oleh syarikat permulaan tempatan. Maklum balas daripada sesi dialog ini mendapati beberapa cabaran seperti kurang pendedahan mengenai kisah kejayaan dan kegagalan usahawan Malaysia; kurang kesedaran dan kewujudan program *accelerator*; kekurangan mentor sedia ada bagi membimbing dan menyokong syarikat permulaan; kesukaran mendapatkan status MSC yang menawarkan insentif menarik; kos proses pendaftaran perniagaan yang mahal dan sewa bangunan berstatus MSC yang lebih tinggi serta kesukaran menarik dan mengekalkan bakat. Syarikat permulaan juga menghadapi isu pembiayaan kerana kebanyakan geran sedia ada hanya memberi tumpuan kepada pembangunan produk dan bukan kepada keperluan modal kerja atau modal insan. Selain itu, terdapat kekurangan pelabur usahawan yang berpengalaman manakala institusi perbankan adalah kurang mesra kepada syarikat permulaan.

Aktiviti Teras

MaGIC telah mengenal pasti tiga aktiviti teras untuk merancak semula dan meningkatkan ekosistem syarikat permulaan:

- Menghubung dan memaparkan secara jelas semua sumber dan program sedia ada untuk usahawan di Malaysia serta menjadikan maklumat ini lebih mudah diakses melalui *MaGIC Central*. Sehubungan itu, satu enjin carian dalam talian akan dibangunkan sebagai platform maklumat dan rujukan merangkumi semua sumber yang ada dalam ekosistem syarikat permulaan di Malaysia.

- Memenuhi keperluan ekosistem lestari dengan membina lebih banyak syarikat permulaan di Malaysia melalui *ASEAN Accelerator Programme* yang akan dilancarkan pada separuh pertama 2015 dan menubuhkan *MaGIC Startup Academy* sebagai platform pembelajaran kemahiran untuk memberi pendedahan serantau dan global kepada usahawan. Akademi ini akan dilancarkan semasa simposium selama 5 hari pada Oktober 2014.
- Memberi inspirasi melalui kisah kejayaan dengan mengenal pasti usahawan berpengalaman dan baharu yang berjaya menghasilkan penyelesaian inovatif kepada masalah dunia serta menyediakan platform untuk berkongsi pengalaman bersama masyarakat.

Kerjasama dengan Rakan Strategik

Kerjasama Malaysia dengan UP Global dan Universiti Stanford akan mengukuhkan aktiviti keusahawanan melalui penubuhan pejabat UP Global Asia Tenggara di MaGIC dan program bersama Universiti Stanford seperti berikut:

- i. *Stanford Centre for Professional Development* - Program e@Stanford akan mempertingkatkan prestasi syarikat permulaan tempatan yang berpotensi tinggi apabila 50 usahawan dihantar ke Universiti Stanford dan Lembah Silikon untuk program pembelajaran selama dua minggu.
- ii. *Stanford Graduate Business School* – Program *The Stanford Go-To-Market* selama seminggu direka untuk membantu usahawan yang mempunyai idea yang boleh dibangunkan bagi menghasilkan pelan pemasaran serta mengasah kemahiran membuat pembentangan.
- iii. *Stanford Technology Ventures Programme* – mewujudkan hubungan antara fakulti universiti tempatan dengan Universiti Stanford bagi memupuk minda keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Kerjasama strategik lain termasuk perkongsian dengan agensi Kerajaan melalui *MaGIC Central*. MaGIC akan menyalurkan sebarang pertanyaan kepada agensi berkaitan supaya isu yang dibangkitkan oleh usahawan dapat diselesaikan secara berkesan. Antara agensi Kerajaan tersebut adalah Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV), Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP), SME Bank, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), SME Corporation Malaysia (SME Corp.), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

1MeT

Inisiatif Usahawan 1Malaysia (1MeT) di bawah Kementerian Kewangan (MOF) telah dilancarkan pada 2013 berteraskan keyakinan kepada kreativiti, kedinamikan dan potensi usahawan muda. 1MeT bertujuan untuk memberi inspirasi dan memupuk usahawan muda bagi mencapai kejayaan cemerlang. Bagi tujuan ini, 1MeT *boot camp* telah diadakan di seluruh negara untuk memperkenalkan konsep teras keusahawanan kepada usahawan muda. Sasaran tahunan adalah untuk melengkapkan 5,000 usahawan muda dengan kemahiran yang relevan. Usahawan muda 1MeT yang komited akan terus dibimbing oleh MaGIC. Sehingga Julai 2014, lebih 10,000 belia telah menyertai 1MeT *boot camp*.

GREAT Platform untuk Usahawan

Gabungan Rakan Entrepreneur Aspirasi Terhebat (GREAT) 2014, satu inisiatif MOF, telah diadakan selama empat hari pada September 2014 di MaGIC, Cyberjaya. Program GREAT yang merupakan perjumpaan usahawan yang pertama di Malaysia, menyediakan platform untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam kalangan usahawan, syarikat permulaan dan entiti pembiayaan. Tumpuan diberikan dalam enam bidang iaitu makanan, pertanian, teknologi, gaya hidup, seni kreatif dan

usahawan wanita. GREAT adalah antara inisiatif kerjasama sektor awam-swasta untuk membantu mengubah Malaysia menjadi sebuah negara keusahawanan.

Inisiatif Keusahawanan Sosial

Program MaGIC juga melibatkan inisiatif keusahawanan sosial memandangkan keusahawanan bukan hanya menekankan keuntungan tetapi juga melibatkan khidmat kepada masyarakat. Inisiatif ini melibatkan pembentukan ekosistem sokongan kepada usahawan sosial (SE) termasuk menyediakan 50:5,000 *SE Fund*, melalui pengenalpastian 50 syarikat sosial tempatan yang mempunyai pertumbuhan dan berpotensi tinggi bagi membantu mereka berkembang untuk memberi impak kepada lebih daripada 5,000 individu. MaGIC akan mendapatkan kerjasama awam-swasta-perseorangan untuk mengenal pasti serta mencadangkan penyelesaian kreatif dan mampan bagi masalah sosial dan alam sekitar yang meruncing.

Rumusan

Dengan penglibatan pelbagai agensi dalam mempromosi pembangunan usahawan, MaGIC menggalas tanggungjawab besar sebagai entiti yang baharu ditubuhkan. MaGIC yang dilengkapi dengan ekosistem komprehensif untuk usahawan dan kerjasama dengan rakan kongsi strategik, berada pada landasan yang baik sebagai pemangkin bagi menggalakkan keusahawanan di Malaysia serta memajukan aktiviti keusahawanan di peringkat serantau dan global. Keupayaan MaGIC untuk melahirkan lebih banyak usahawan yang inovatif dan dinamik akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran serta menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan yang rancak.

Sumber: Pusat Inovasi & Kreativiti Global Malaysia.

Sementara itu, bagi Tabung Usahawan Siswazah di bawah Bank SME, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk meningkatkan budaya keusahawanan di Malaysia dan mengurangkan pengangguran siswazah. Kemudahan ini menyediakan pinjaman daripada RM200,000 hingga RM500,000 untuk memudahkan siswazah dan usahawan muda yang tidak layak untuk meminjam dari bank komersial atau skim pembiayaan Kerajaan bagi memulakan perniagaan. Sehingga Jun 2014, sejumlah RM11.02 juta diluluskan untuk membantu 67 usahawan siswazah.

Merancang Pembangunan Wilayah

Pembangunan koridor wilayah telah diwujudkan bagi mencapai pembangunan negara yang seimbang antara wilayah dengan menarik pelaburan dalam negara dan asing. Bagi tujuan ini,

Kerajaan terus menyokong koridor pembangunan wilayah. Bagi Koridor Pembangunan Sabah (SDC), sejumlah RM134 juta diperuntukkan untuk membangunkan projek agropolitan di Kota Belud dan industri berasaskan kelapa sawit di Lahad Datu dan Sandakan. Projek ini bertujuan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi wilayah dengan mewujudkan aktiviti pertanian dan bukan pertanian yang mampan serta dijangka menarik pelaburan yang tinggi di kawasan tersebut. Sehingga Ogos 2014, sejumlah RM65.5 juta telah dibelanjakan bagi kedua-dua projek. Sementara itu, RM597.9 juta diperuntukkan bagi membangunkan Taman Perindustrian Samalaju dan satu hab halal di Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE) dan sehingga Ogos 2014, sejumlah RM293 juta telah dibelanjakan bagi kedua-dua projek. Bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), RM350 juta diperuntukkan untuk meluaskan

Pelabuhan Kuantan dan sehingga Ogos 2014, sejumlah RM174 juta telah dibelanjakan. Bagi mempromosikan ECER sebagai hab petrokimia dan menggalakkan pelaburan langsung asing (FDI) yang berasaskan aplikasi dan teknologi tinggi di wilayah tersebut, RM30 juta diperuntukkan untuk membina sebuah kompleks petrokimia bersepadu di Kerteh. Sehingga Ogos 2014, sejumlah RM12 juta dibelanjakan bagi kerja fizikal seperti kerja tanah dan infrastruktur asas. Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) pula diperuntukkan RM10 juta untuk membangunkan ladang satelit berkonsepkan rumah hijau yang dilengkapi sistem fertigasi, iaitu satu teknik baharu untuk meningkatkan pengeluaran produk pertanian berkualiti tinggi.

Teras Kedua: Mengukuhkan Pengurusan Fiskal

Pengurusan fiskal yang mantap adalah amat penting untuk memastikan kemampanan fiskal jangka panjang dan kestabilan makroekonomi negara. Kerajaan komited untuk mengukuhkan kedudukan kewangan dengan melaksanakan inisiatif pembaharuan fiskal. Inisiatif ini terdiri daripada langkah peningkatan kutipan hasil dan kecekapan perbelanjaan, termasuk melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), meneruskan rasionalisasi subsidi, menambah baik pengurusan belanjawan, melaksanakan perakaunan akrual dan mentransformasi perkhidmatan awam.

Melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan

Kerajaan akan memperkenalkan GST pada 1 April 2015 bagi menyelaraskan struktur cukai penggunaan semasa, iaitu Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan untuk menjadikannya lebih cekap, berkesan dan telus serta mesra perniagaan. GST akan membolehkan perluasan asas cukai selaras dengan inisiatif keseluruhan Kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan fiskal. GST juga akan memudahkan sistem cukai penggunaan semasa yang mengenakan kadar berganda dan *threshold* berbeza kepada kadar tunggal 6% dan

threshold RM500,000 bagi perniagaan berdaftar. Model GST mempunyai ciri-ciri penting termasuk pengelasan bekalan barangan dan perkhidmatan yang berkadar sifar, dikecualikan dan berkadar standard. Bagi melancarkan pelaksanaannya, Akta GST 2014 telah diwartakan pada 19 Jun 2014, diikuti dengan beberapa perundangan subsidiari pada 1 Julai 2014.

Pada masa ini, Kerajaan sedang menjalankan siri program kesedaran dan latihan mengenai GST kepada orang awam dan ahli perniagaan. Program ini bertujuan membantu mereka memahami dengan lebih baik model GST, mekanisme dan langkah Kerajaan untuk mengatasi isu berkaitan pelaksanaan GST. Sehingga Ogos 2014, sebanyak 5,421 program telah diadakan di seluruh negara memanfaatkan 383,942 peserta. Sejumlah RM250 juta diperuntukkan oleh Kerajaan sebagai sebahagian daripada pakej bantuan GST. Geran ini terdiri daripada RM100 juta untuk melatih kakitangan yang dihantar oleh syarikat dan PKS dan baki RM150 juta pula diperuntukkan sebagai bantuan kewangan PKS membeli perisian perakaunan GST. Pendaftaran GST telah dibuka mulai 1 Jun 2014 dan sehingga 1 Oktober 2014, sebanyak 71,916 perniagaan telah berdaftar. Kerajaan juga telah menganjurkan dua acara utama berkaitan GST pada September 2014 iaitu Forum Perdana GST dan Seminar Antarabangsa bagi meningkatkan kesedaran mengenai GST.

Meneruskan Rasionalisasi Subsidi

Kerajaan terus komited untuk merasionalisasi subsidi terutamanya subsidi minyak yang mencakupi bahagian terbesar daripada jumlah keseluruhan tuntutan subsidi. Kerajaan telah melaksanakan rasionalisasi subsidi secara berperingkat agar tidak membebankan rakyat. Subsidi gula telah dimansuhkan pada 2013 sementara subsidi minyak dikurangkan secara berperingkat. Pada 2 Oktober 2014, Kerajaan telah mengurangkan subsidi petrol dan diesel sebanyak 20 sen seliter. Pada masa ini, Ron95 dijual pada RM2.30 seliter manakala diesel pada RM2.20 seliter. Langkah

ini telah menghasilkan penjimatan kepada Kerajaan yang kemudiannya disalurkan kepada program sosioekonomi bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran ekonomi domestik dan menambah baik kesejahteraan rakyat.

Sementara itu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa bentuk bantuan untuk menyokong golongan berpendapatan rendah. Dalam usaha untuk meningkatkan pengagihan bantuan, sistem teknologi maklumat (IT) yang komprehensif dan berkesan sedang dibangunkan. Kerajaan juga akan menyepadukan data e-Kasih, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan bantuan kebajikan lain di bawah satu pangkalan data bagi memastikan pengurusan data yang cekap dan mengelakkan pertindihan serta mengenal pasti maklumat orang yang layak namun tercicir dalam pemberian bantuan. Pembangunan pangkalan data bersepadu yang bermula pada November 2013 menggabungkan sistem e-Kasih dan menggunakan maklumat BR1M 2014 sebagai data teras.

Menambah Baik Pengurusan Belanjawan

Perancangan komprehensif dan pemantauan rapi akan memastikan sumber yang terhad dapat digunakan secara cekap dan berkesan dalam pelaksanaan program. Belanjawan Berasaskan Outcome (OBB) membangunkan rangka kerja prestasi bersepadu yang menumpukan kepada perancangan terperinci bagi pelaksanaan dan pemantauan program. Semua kementerian dan agensi persekutuan telah mengemukakan rangka kerja prestasi dan cadangan belanjawan secara atas talian sejak kitaran Bajet 2013. Penekanan berterusan diberikan untuk meningkatkan kualiti data yang merupakan elemen penting pengurusan prestasi. Pusat Kecemerlangan (COE) akan ditubuhkan di semua kementerian bagi menginstitusikan konsep, pengetahuan dan rujukan untuk meneruskan pembangunan kepakaran dalam bidang tertentu seperti pertanian, pelancongan dan pendidikan, yang akan dilaksanakan serentak dengan pembangunan portal ilmu.

Sementara itu, Kerajaan menekankan keberkesanan perbelanjaan belanjawan dengan projek berimpak tinggi yang melebihi RM100 juta perlu diaudit oleh Jabatan Audit Negara (JAN). JAN telah mengenal pasti 112 projek bernilai lebih RM100 juta dengan 40 projek telah diaudit dan akan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2014. Baki 72 projek yang dikenal pasti, termasuk *MY Rapid Transit* (MRT) dan *River of Life* akan diaudit sepanjang tempoh pelaksanaan.

Melaksanakan Perakaunan Akruan

Untuk menggambarkan sistem pengurusan kewangan yang lebih komprehensif, telus dan cekap, Kerajaan akan melaksanakan perakaunan akruan. Kerajaan akan dapat mengira semua aset dan liabiliti serta merealisasikan penjimatan kos, menjana hasil dan menambah baik pengurusan aset. Keadaan ini akan mendorong kepada peningkatan penyampaian perkhidmatan awam. Kerajaan akan melaporkan prestasi kewangannya secara tunai diubahsuai (*modified cash basis*) selari dengan perakaunan akruan. Jabatan Akauntan Negara telah menjalankan program *outreach* secara intensif termasuk latihan dan seminar untuk semua kementerian dan agensi bagi memudahkan peralihan kepada perakaunan akruan.

Mentransformasi Perkhidmatan Awam

Integriti dan pematuhan prosedur kewangan merupakan elemen penting dalam transformasi perkhidmatan awam bagi memastikan pengurusan sumber Kerajaan yang teratur dan mengurangkan pembaziran. Oleh itu, Unit Integriti akan ditubuhkan di semua kementerian dan agensi. Unit ini bertanggungjawab memastikan amalan perkhidmatan awam yang baik, terutamanya menggalakkan budaya kerja unggul, nilai moral dan etika yang utuh serta semangat patriotik bagi membendung jenayah dan salah laku etika. Sehingga Julai 2014, sejumlah 414 Unit Integriti telah ditubuhkan dan 35 pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipinjamkan

kepada unit tersebut. Sementara itu, 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) telah mengharmonikan dan meringkaskan semua Pekeliling Perbendaharaan kepada tujuh kategori utama pengurusan kewangan. Tujuh kategori tersebut adalah Pengurusan Belanjawan, Perolehan Kerajaan, Pengurusan Wang Awam, Tadbir Urus Kewangan, Pengurusan Aset, Pelaburan Strategik dan Pinjaman Perumahan untuk memudahkan rujukan kakitangan awam dalam memastikan pematuan peraturan dan prosedur kewangan.

Teras Ketiga: Mengungguli Kecemerlangan Modal Insan

Pendidikan dan latihan adalah penting di dalam pembangunan modal insan. Dalam hal ini, beberapa langkah terus diambil untuk mentransformasi tenaga kerja. Ini termasuk menambah baik pendidikan, bermula dari peringkat prasekolah hingga tertiar serta latihan kemahiran kepada tenaga kerja. Langkah ini bertujuan menyemai kecemerlangan kepada modal insan yang dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran teknikal dan *soft skill*, selain menerapkan keupayaan berfikir, berinovasi dan kreatif.

Meningkat Kecemerlangan Pendidikan

Dalam usaha mencapai kecemerlangan pendidikan, penekanan diberikan kepada transformasi pendidikan melalui pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Selepas setahun pelaksanaannya, beberapa pencapaian telah direkodkan termasuk enrolmen prasekolah yang tinggi pada 81.7% melibatkan 793,269 kanak-kanak serta peningkatan dalam literasi dan numerasi asas kepada hampir 99%. Sementara itu, di bawah Program Transformasi Daerah, negeri Kedah dan Sabah telah merekodkan peningkatan cemerlang dalam semua peperiksaan nasional, terutamanya Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) berbanding negeri lain. Di bawah Gelombang 1 (2013 – 2015), Pelan ini menyasarkan semua sekolah mencapai tahap kualiti minimum, termasuk

numerasi dan literasi serta infrastruktur asas. Manakala, pelantikan dan latihan pengetua akan ditambah baik dan latihan kepada guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran.

Pendidikan awal merupakan komponen penting dalam pembangunan pembelajaran kanak-kanak dan menyediakan asas kukuh ke sekolah rendah. Kerajaan komited untuk memastikan kanak-kanak, termasuk yang memerlukan keperluan khas, mendapat akses prasekolah tanpa mengira pendapatan isi rumah, lokasi kediaman dan etnik. Bagi tujuan ini, RM530 juta diperuntukkan untuk program prasekolah termasuk membina prasekolah di sekolah rendah jenis kebangsaan. Sehingga Ogos 2014, sejumlah RM106.4 juta telah dibelanjakan untuk bantuan geran prasekolah per kapita, aktiviti kokurikulum, program makanan dan insurans. Inisiatif ini memanfaatkan 196,710 kanak-kanak prasekolah di seluruh negara.

Sementara itu, fokus diberikan kepada pelaksanaan program untuk meningkatkan profesion perguruan dengan memberi tumpuan kepada kemahiran mengajar, menambah baik kaedah pengajaran serta kemahiran dalam mata pelajaran teras seperti Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang melibatkan peruntukan sebanyak RM221.1 juta. Beberapa program latihan yang memberi fokus kepada menambah baik kemahiran dwi-bahasa pelajar telah dilaksanakan untuk guru seperti program saringan literasi dan numerasi (LINUS), program meningkatkan kemahiran guru Bahasa Malaysia dan Inggeris. Bagi terus memartabatkan Bahasa Malaysia dan mengukuhkan kemahiran Bahasa Inggeris, Kerajaan akan menyediakan perisian digital dan buku teks yang dilaksanakan dalam tiga fasa (Fasa 1: 2013 – 2015). Sementara itu, 90 orang guru Bahasa Inggeris di bawah program *English Language Teachers from India* (ELTI) akan dibawa untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar dan meningkatkan keberkesanan pengajaran di kalangan guru Bahasa Inggeris. Bakal guru ini berperanan sebagai jurulatih dan akan ditempatkan di Pejabat Pelajaran Daerah terpilih. Pemilihan

daerah adalah berdasarkan keputusan mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menyedari kepentingan akses internet sebagai alat pembelajaran secara atas talian, sebanyak RM137.2 juta diperuntukkan pada 2014 untuk memperluas akses Internet di sekolah terutamanya di luar bandar seperti projek 1BestariNet. Projek ini menyediakan asas Internet jalur lebar antara 2 Mbps – 10 Mbps untuk sekolah. Di bawah projek ini, sebanyak 10,113 sekolah rendah dan menengah disasarkan akan dilengkapi dengan sambungan Internet Generasi ke 4 (4G) dan Persekitaran Pembelajaran Virtual (VLE). VLE ini akan memastikan pembelajaran tidak terhad kepada dalam kelas dan buku teks sahaja namun turut menyediakan pembelajaran sendiri dengan guru sebagai pemudah cara. Sehingga April 2014, sebanyak 8,774 sekolah telah mempunyai akses 1BestariNet.

Bantuan persekolahan RM100 kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah telah diteruskan pada 2014 sebagai salah satu langkah untuk menjaga kebajikan pelajar terutama dari keluarga berpendapatan rendah. Pada akhir Ogos 2014, sejumlah RM516.1 juta telah diagihkan sepenuhnya. Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) bernilai RM250 telah diberikan kepada pelajar prauniversiti serta institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) bagi membantu pembelian buku dan bahan rujukan. Sehingga Ogos 2014, sejumlah RM325 juta telah diagihkan sepenuhnya kepada 20 IPTA, 485 IPTS, 15 pusat matrikulasi dan 739 sekolah (Tingkatan Enam).

Memperkasa Pendidikan Tertiri

Pendidikan tertiri adalah penting dalam usaha mencapai taraf negara berpendapatan tinggi. Usaha bersepadu telah diambil untuk mengukuhkan IPTA dan IPTS untuk menghasilkan tenaga kerja yang diperlukan. Melalui bantuan kewangan dan biasiswa, Program MyBrain15 mensasarkan untuk melahirkan 60,000 graduan

PhD pada 2023 serta meningkatkan bilangan penyelidik. Program terdiri daripada Skim Latihan Akademik IPTA, MyPhD, MyPhD Industri dan MyMaster yang dijalankan di IPTA dan IPTS dalam dan luar negara. Sehingga Ogos 2014, sejumlah RM266.2 juta telah dibelanjakan untuk program ini, melibatkan 4,989 pelajar Ijazah Sarjana dan 1,435 PhD.

Terdapat keperluan meningkatkan kepakaran ahli akademik sebagai penjana pengetahuan, penyebar maklumat dan sumber rujukan serta memelihara terbitan ilmiah untuk masa hadapan. Dalam perkara ini, Pusat Sitasi Malaysia (MCC) telah ditubuhkan sebagai pangkalan data untuk terbitan ilmiah dalam jurnal tempatan. MCC juga berperanan membaiki kedudukan universiti tempatan dengan menambah baik kualiti penerbitan negara agar setaraf penerbitan antarabangsa serta membantu penyelidik untuk menerbitkan artikel dalam jurnal antarabangsa yang terkemuka. Kerajaan menyasarkan untuk mengindeks 300 jurnal tempatan pada 2014 dan sehingga Ogos 2014, sejumlah 260 jurnal tempatan (31,521 artikel) telah diindeks ke dalam Sistem MyJurnal dengan perbelanjaan RM574,700. MCC turut mengatur program latihan untuk mewujudkan kesedaran dan memberi khidmat nasihat kepada penerbit dan penyunting dalam bidang pengurusan dan penerbitan jurnal secara atas talian bagi institusi pendidikan tinggi, agensi kerajaan dan badan profesional.

Memperkukuh Latihan Kemahiran

Selaras dengan anjakan ekonomi daripada aktiviti pembuatan bernilai rendah dan aktiviti berasaskan sumber hulu kepada pembuatan yang bernilai tinggi dan berteraskan perkhidmatan, keperluan untuk pekerja mahir adalah mendesak. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meningkatkan kualiti program latihan kemahiran serta melengkapkan pusat latihan dengan teknologi terkini bagi menghasilkan guna tenaga berkemahiran tinggi yang diperlukan oleh industri. Program pensijilan tahap tunggal untuk Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1 hingga 3 bagi tempoh enam

bulan telah dilaksanakan di 23 Institut Latihan Perindustrian (ILP) bermula Januari 2014. Langkah ini sejajar dengan program transformasi untuk menyediakan kursus minimum tahap 3 di semua ILP seliaan Jabatan Tenaga Manusia (JTM). Sehingga Ogos 2014, sejumlah RM2.1 juta telah dibelanjakan untuk program ini memanfaatkan 13,184 pelajar.

Sejumlah RM178 juta diperuntukkan bagi pembelian peralatan dan menaik taraf fasiliti latihan. Sehingga Ogos 2014, sejumlah RM90.8 juta telah dibelanjakan bagi membeli peralatan latihan untuk 29 Institusi Latihan JTM (ILJTM), menaik taraf dan membaik pulih 12 ILJTM, menyelenggara peralatan latihan dan menubuhkan kampus satelit Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Bagi meningkatkan enrolmen di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara, program Dwi-Shif telah diperkenalkan untuk menggunakan kapasiti latihan secara sepenuhnya untuk enrolmen pelajar seramai 15,000 setahun bermula pengambilan Julai 2014. Antara kursus yang ditawarkan ialah automatif, kejuruteraan sivil, teknologi komputer dan multimedia, pengurusan hotel, pemprosesan makanan dan elektrik serta teknologi maklumat. Pada pengambilan pertama pada Julai 2014, seramai 2,476 pelajar telah mendaftar di bawah program ini di 19 pusat latihan seluruh negara melibatkan peruntukan RM15 juta.

Sejumlah RM330 juta telah diperuntukkan untuk Skills Development Fund Corporation (SDFC) bagi menyediakan pinjaman dan geran kepada pelatih untuk mengikuti latihan kemahiran. Pelatih terdiri daripada lepasan SPM, Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan terciir, terutama daripada keluarga berpendapatan rendah bagi mengikuti latihan di bawah program Peruntukan Dana Pinjaman Latihan Kemahiran Berterusan, Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pendidikan dan Program Transformasi Teknikal Tenaga Buruh

(WTTP). Sementara itu, Program Latihan dalam Bidang Khusus (INSEP) menyediakan latihan program pembangunan dalam bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan pengurusan kepada graduan menganggur bagi meningkatkan kebolehpasaran. Sehingga Ogos 2014, sejumlah pinjaman (RM254.2 juta) dan geran (RM39 juta) telah diagihkan, memberi manfaat kepada 17,969 pelatih di seluruh negara.

Bagi menggalakkan majikan mengekalkan dan meningkatkan kemahiran pekerja, perantis dan pelatih, sejumlah RM425 juta telah diperuntukkan kepada Tabung Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (HRDF). Majikan yang berdaftar boleh menggunakan dana Tabung ini untuk membiayai perbelanjaan program latihan dan pembangunan pekerja. Sehingga Ogos 2014, seramai 226,213 pekerja telah mengikuti latihan menggunakan dana Tabung ini.

Cabaran bagi menyeimbangkan antara kerjaya dan keluarga adalah antara punca utama penyertaan wanita yang rendah dalam guna tenaga sungguhpun bilangan graduan wanita adalah tinggi. Beberapa langkah diperkenalkan seperti *Flexible Work Arrangements* (FWA) pada Januari 2014 untuk menarik dan mengekalkan bakat dalam guna tenaga serta mempromosikan keseimbangan antara kerja dan kehidupan, terutamanya untuk ibu yang bekerja. Kerajaan telah mengadakan beberapa siri pertemuan dengan majikan berkenaan faedah FWA dan meningkatkan kesedaran berkaitan insentif cukai bagi FWA. Sementara itu, majikan juga digalakkan untuk melaksanakan FWA berdasarkan garis panduan dan amalan terbaik yang terdapat dalam portal flexWorkLife.my.

Teras Keempat: Mempregiat Pembangunan Bandar dan Luar Bandar

Pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara perlu memanfaatkan segenap lapisan masyarakat. Dalam hal ini, Bajet 2014 memberi tumpuan kepada langkah mempregiat pembangunan

bandar dan luar bandar, termasuk melaksanakan pelbagai program di bawah NBOS, mengukuhkan jaringan pengangkutan awam, meningkatkan kesejahteraan bandar dan mempercepatkan pembangunan luar bandar.

Memanfaatkan Strategi Lautan Biru Kebangsaan

Kerajaan telah menerima pakai NBOS dalam menyediakan program dan perkhidmatan yang berimpak tinggi, kos rendah serta pantas dilaksanakan dan boleh direplikasi ke seluruh negara. Melalui NBOS, lebih 80 kementerian dan agensi berkolaborasi dalam merangka dan melaksanakan inisiatif NBOS yang kreatif untuk mentransformasi negara. Pada 2014, Kerajaan memperuntukkan RM278 juta untuk melaksanakan pelbagai program di bawah inisiatif NBOS, termasuk penubuhan tambahan Pusat Transformasi Bandar (UTC), Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC).

Bagi memastikan UTC terus menyediakan pusat sehenti yang menggabungkan perkhidmatan sehingga 60 pertubuhan kerajaan dan swasta, tiga UTC baharu telah dibina di Sabah, Johor dan Sarawak. Konsep UTC telah diiktiraf sebagai pendekatan baharu dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat dan baru-baru ini dinobatkan pemenang Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2014. Sehingga September 2014, lebih daripada enam juta pengunjung telah menggunakan perkhidmatan di lapan UTC dan satu mini UTC di Sentul. Berikutan sambutan menggalakkan bagi perkhidmatan UTC, satu mini UTC di Keramat dijangka beroperasi sepenuhnya pada akhir November 2014. Tiga lagi UTC dirancang untuk dibina di Terengganu, Kelantan dan Perlis.

Selain itu, bagi melebarkan jangkauan perkhidmatan ke kawasan luar bandar, tiga RTC baharu telah dilancarkan di Napoh (Kedah), Kulaijaya (Johor) dan Bandar Al Muktafi Billah Shah (Terengganu) dan menjadikan jumlah keseluruhan tujuh RTC. Sehingga Ogos 2014,

RM27 juta diagihkan untuk membina ketiga-tiga RTC baharu tersebut. Empat lagi RTC akan ditubuhkan di Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak. Sehingga Julai 2014, lebih daripada 4.5 juta pengunjung telah menggunakan perkhidmatan di RTC. Sementara itu, bagi terus menyediakan perkhidmatan *key touch-point* kepada penduduk di luar bandar dan tinggal jauh dari UTC dan RTC, tiga unit Mobile CTC diubah suai pada 2014 dengan kos sebanyak RM1.4 juta. Sehingga Ogos 2014, Mobile CTC telah memberi perkhidmatan di 24 lokasi luar bandar dan tambahan 14 lokasi akan dikunjungi sehingga akhir tahun.

Mengukuhkan Jaringan Pengangkutan Awam

Sistem pengangkutan awam yang komprehensif dan berfungsi dengan baik adalah penting, terutamanya di kawasan bandar untuk memudahkan rakyat menjalani aktiviti harian. Aspek ini amat perlu bagi memastikan kawasan tersebut menjadi tempat yang menarik untuk didiami, bekerja dan beriadah, di samping dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas, pencemaran dan masa perjalanan. Menyedari keutamaan perkara tersebut, Kerajaan melaksanakan pelbagai projek untuk menambah baik sistem pengangkutan awam menjadi lebih efisien, menepati jadual dan mempunyai jaringan berterusan.

Dalam usaha menambah baik perkhidmatan rangkaian kereta api antara bandar, Kerajaan telah memperuntukkan RM2.5 bilion pada 2014 bagi menyiapkan Projek Landasan Berkembar Elektrik (EDTP) Ipoh-Padang Besar dan menyelenggara EDTP Seremban-Gemas yang dirancang untuk diteruskan ke Johor Bahru. Sehingga Ogos 2014, RM1.6 bilion telah dibelanjakan untuk projek tersebut. Pembinaan 329 km EDTP Ipoh-Padang Besar yang bermula pada Januari 2008 dijadualkan siap pada November 2014. Apabila projek tersebut siap kelak, bilangan penumpang dijangka bertambah sebanyak 11% dan nilai kargo meningkat sebanyak 56% pada 2015. Sementara itu, EDTP Seremban-Gemas sepanjang 98 km yang siap dibina pada

Julai 2013, akan diteruskan ke Johor Bahru dengan rangkaian sepanjang 197 km dan dijangka siap pada 2019.

Bagi menggalakkan rakyat menggunakan pengangkutan awam bandar, sebanyak RM62 juta telah diperuntukkan untuk membina kemudahan letak dan naik (*park-and-ride*) di beberapa stesen transit aliran ringan (LRT), Keretapi Tanah Melayu (KTM) Komuter dan stesen aliran rel ekspres (ERL). Sehingga Ogos 2014, kemudahan *park-and-ride* telah siap dibina di stesen LRT Ampang, LRT Asia Jaya, KTM Komuter Padang Jawa dan KTM Komuter Seksyen 19 Shah Alam yang menyediakan sebanyak 2,407 unit parkir. Kemudahan letak dan naik lain sedang dibina, termasuk di stesen ERL Salak Tinggi serta KTM Komuter Klang dan Serdang yang dijangka siap secara berperingkat sehingga akhir 2015.

Dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan teksi di Malaysia, Kerajaan telah memperuntukkan RM15.3 juta untuk menubuhkan Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat (CTSS). Sistem ini akan dipasang pada 37,000 teksi di Lembah Klang bagi fasa pertama sebelum diperluaskan kepada 60,000 teksi di seluruh negara. Sistem yang menyeluruh ini dijangka berupaya meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan serta mengukuhkan hubungan antara operator teksi bagi menambah baik sistem tempahan. Sistem ini sedang dibangunkan dan dijangka beroperasi di Lembah Klang pada suku ketiga 2015. Pada peringkat permulaan, sistem ini akan dipasang pada Teksi 1Malaysia (TEKSI 1M) di Lembah Klang sebelum dipasang pada teksi lain.

Bagi menyediakan kemudahan berkualiti dan selesa kepada penumpang, RM9 juta diperuntukkan untuk membina Hentian Akhir Bandar yang menyediakan perkhidmatan bas henti-henti di Lembah Klang. Antara lokasi yang dikenal pasti ialah Seksyen 17 dan 19 di Shah Alam, PJS3 dan Jalan Othman di Petaling Jaya serta Wira Damai di Selayang. Sebanyak RM9

juta lagi diperuntukkan untuk membina zon menurunkan penumpang bagi menambah baik infrastruktur sedia ada secara bersepadu seperti perhentian bas dengan laluan berbumbung, rangkaian pejalan kaki ke stesen dan kemudahan transit bagi memudahkan penumpang bas dan teksi menaiki tren. Beberapa stesen rel sedia ada di sepanjang lebuh raya utama telah dikenal pasti untuk pelaksanaan zon menurunkan penumpang iaitu stesen Komuter KTM Batu Tiga, Serdang dan Kampung Dato' Harun. Bagi memudahkan penumpang mengetahui maklumat masa sebenar ketibaan bas, Kerajaan memperuntukkan RM4.2 juta untuk memasang panel maklumat bas di 12 kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh *Greater Kuala Lumpur*.

Selain itu, bagi memastikan jaringan berterusan antara kawasan bandar dan luar bandar di Sabah dan Sarawak, Kerajaan memperuntukkan RM130 juta untuk subsidi pengangkutan udara luar bandar. Pada masa ini, sejumlah 49 laluan disediakan oleh MASWings untuk pengangkutan udara luar bandar di Sabah dan Sarawak. Sehingga Oktober 2014, sejumlah RM81.4 juta telah dibelanjakan untuk inisiatif ini. Sementara itu, bagi kemudahan rakyat menggunakan perkhidmatan keretapi di Pantai Timur iaitu di Pahang dan Kelantan, sejumlah RM40 juta diperuntukkan untuk subsidi laluan tidak ekonomik. Sehingga Ogos 2014, KTM antara bandar telah menyediakan empat perkhidmatan keretapi antara Gua Musang dan Tumpat yang membawa purata 1,000 penumpang sehari.

Meningkatkan Kesejahteraan Bandar

Kerajaan menggalakkan penubuhan persatuan penduduk untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti di kawasan bandar. Oleh itu, sebanyak RM63 juta diperuntukkan bagi aktiviti Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) yang menjadi platform kepada komuniti setempat mengambil bahagian secara aktif dalam menguruskan kawasan kejiranan mereka. Melalui JPP, komuniti setempat mempunyai saluran untuk menyampaikan pandangan berhubung isu kejiranan kepada PBT.

Sehingga Ogos 2014, sebanyak 650 JPP telah ditubuhkan di beberapa kawasan perumahan di negeri Kedah, Melaka, Perak, Perlis dan Pulau Pinang.

Sementara itu, pertambahan penduduk dan pembangunan pesat di bandar menyebabkan peningkatan permintaan bekalan air bersih tanpa gangguan. Oleh itu, Kerajaan terus menyediakan peruntukan RM1.2 bilion untuk membina dan menaik taraf empangan dan loji rawatan air terawat yang dapat mengurangkan gangguan bekalan air. Inisiatif ini juga bertujuan meningkatkan kadar liputan pembekalan air kepada 100%, terutama di kawasan bandar serta menambah rizab bekalan air terawat di seluruh negara kepada 20%. Sehingga Ogos 2014, sejumlah RM514.5 juta dibelanjakan untuk pelaksanaan pelbagai projek bekalan air di seluruh negara.

Mempercepat Pembangunan Luar Bandar

Kerajaan terus memberi perhatian khusus kepada pembangunan luar bandar untuk menambah baik kehidupan rakyat di kawasan tersebut. Peruntukan RM4.1 bilion telah disediakan untuk menambah baik infrastruktur dan kemudahan asas. Daripada jumlah tersebut, RM979.6 juta diperuntukkan untuk membina, membaik pulih dan menaik taraf jaringan jalan luar bandar di seluruh negara. Sehingga Julai 2014, RM585.9 juta telah dibelanjakan untuk membina dan menyelenggara 196.6 km jalan luar bandar.

Sebanyak RM457 juta diperuntukkan bagi pembekalan air bersih dan terawat kepada 8,000 unit rumah di kawasan luar bandar di seluruh negara. Sehingga Julai 2014, RM171.7 juta dibelanjakan dan memberi manfaat kepada 3,096 unit rumah. Di Sarawak pula, sebanyak 30,000 tangki air telah diagihkan ke kawasan luar bandar yang dikenal pasti sehingga September 2014 melibatkan peruntukan RM75 juta. Selain itu, RM862.7 juta diperuntukkan bagi pembekalan elektrik tanpa gangguan kepada pengguna di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak,

penempatan Orang Asli di Semenanjung Malaysia serta estet dan perkampungan di pulau. Sehingga Julai 2014, sebanyak 48 projek bekalan elektrik sedang dilaksanakan di pelbagai peringkat melibatkan perbelanjaan RM405.5 juta, dengan enam projek telah disiapkan dan memanfaatkan 4,180 unit rumah. Sementara itu, bagi mengurangkan kekerapan gangguan bekalan elektrik di Sabah, Kerajaan memperuntukkan RM265 juta untuk mengukuhkan sistem penjanaan dan penghantaran seperti menaik taraf Stesen Janakuasa Hidro Tenom Pangi, pembinaan talian penghantaran elektrik Kimanis dan stesen suis utama di Sandakan.

Untuk terus meningkatkan kesejahteraan masyarakat Orang Asli, Kerajaan telah memperuntukkan RM64.7 juta untuk kemudahan infrastruktur dan program pembangunan sosial masyarakat ini. Sehingga Ogos 2014, RM31.6 juta dibelanjakan untuk pelbagai inisiatif termasuk membaik pulih rumah, menyediakan kemudahan awam, infrastruktur dan bekalan air bersih serta melaksanakan program keusahawanan dan projek pertanian. Inisiatif ini dijangka memberi manfaat kepada hampir 36,700 isi rumah Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Menyedari kesukaran yang dihadapi oleh Bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak dalam proses pemilikan tanah adat, Kerajaan memperuntukkan RM40 juta bagi kerja pengukuran tanah dan pengesahan hak pemilikan tanah adat. Sehingga Ogos 2014, sejumlah RM30 juta diagihkan untuk pengukuran tanah dan pengesahan hak pemilikan tanah adat di Sarawak dengan seluas 53,076 hektar kawasan telah diukur. Sementara itu, RM10 juta diagihkan bagi kerja pengukuran tanah dan pengesahan hak pemilikan tanah adat di Sabah. Peruntukan ini membolehkan pelaksanaan kerja pengukuran perimeter tujuh geran komunal baharu melibatkan kawasan lebih kurang 3,211 hektar, pengukuran pembahagian 881 lot individu bagi 10 geran komunal melibatkan kawasan seluas 2,864 hektar dan pengukuran pendudukan tanah melibatkan kawasan seluas 4,400 hektar. Inisiatif ini bermula pada 2010 dan

dijangka selesai pada 2016 meliputi kawasan seluas 730,000 hektar di Sarawak dan 51,678 hektar di Sabah.

Kerajaan telah melancarkan *Rural Business Challenge* (RBC) pada 2012 untuk menggalakkan keusahawanan dalam kalangan belia luar bandar berumur 18 hingga 40 tahun. Susulan daripada itu, dua pertandingan rancangan perniagaan telah diadakan pada 2012 dan 2013 dengan 31 pemenang dikenal pasti dan lebih daripada RM36 juta geran perniagaan ditawarkan sebagai hadiah. Projek yang berjaya di bawah RBC 2012 telah mula menjana pendapatan, menghasilkan lebih daripada 50 usahawan baharu dan mewujudkan hampir 400 peluang pekerjaan. Keberhasilan positif ini telah menarik penyertaan menggalakkan bagi RBC 2014 dan pemenang akan diumumkan pada November 2014. Sehingga Julai 2014, sejumlah RM9.9 juta daripada RM20 juta peruntukan telah dibelanjakan bagi pelaksanaan pelbagai program RBC yang merangkumi pengeluaran makanan, ternakan ikan, pembaikan kenderaan dan agro-pelancongan.

Teras Kelima : Mensejahtera Kehidupan Rakyat

Kerajaan terus memberi penekanan kepada kesejahteraan rakyat selari dengan falsafah “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Oleh yang demikian, usaha bersepadu diambil untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat termasuk keselamatan dan ketenteraman awam, meningkatkan pemuliharaan alam sekitar dan pengurusan sumber, menyediakan penjagaan kesihatan berkualiti, membangunkan sukan negara, meningkatkan peranan wanita dan mensejahtera keluarga. Bidang fokus lain termasuk, memperkasa Bumiputera, membantu golongan orang kurang upaya (OKU), menghargai golongan karyawan serta meningkatkan pendidikan dan keusahawanan masyarakat India Malaysia. Bagi mengurangkan beban akibat peningkatan kos sara hidup, penekanan turut diberikan untuk meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan golongan berpendapatan rendah dan sederhana, penyeragaman harga dan meneruskan pemberian BR1M.

Memperkukuh Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Kerajaan terus menyediakan persekitaran selamat kepada rakyat dan komuniti perniagaan. Sejumlah RM8.8 bilion diperuntukkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi pembinaan lima Ibu Pejabat Daerah (IPD) iaitu Pasir Mas, Kota Setar, Johor Bahru Selatan, Nusajaya dan Sipitang, manakala dua balai polis baharu iaitu Pengerang, Johor dan Tongod, Sabah. Sehingga Ogos 2014, sebanyak RM5.5 juta dibelanjakan untuk projek ini. Sementara itu, PDRM telah membelanjakan sebanyak RM30 juta bagi peralatan baharu dan konsumabel. Menjelang November 2014, sebanyak 496 CCTV akan dipasang di 25 PBT, termasuk di Sabah dan Sarawak. PDRM juga telah membeli 1,800 unit motorsikal berkuasa tinggi bagi Unit Ronda Bermotorsikal (URB) bernilai RM34 juta untuk diedarkan ke seluruh negara. Sejumlah 200 unit motorsikal tambahan akan diedarkan sebelum akhir tahun 2014.

Bagi mengukuhkan keselamatan negara, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam proses memiliki peralatan pertahanan tambahan, termasuk kapal peronda luar pesisir, pesawat dan kereta perisai. Bagi memperketatkan kawalan di sempadan, Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) yang ditubuhkan pada 2013 telah diperkukuh dengan penambahan kehadiran anggota keselamatan, membekal peralatan dan pembinaan balai polis baharu. Langkah ini akan meningkatkan keyakinan rakyat, komuniti peniaga dan pelancong justeru membolehkan aktiviti ekonomi terus berkembang.

Kerajaan telah menyediakan bas sekolah bagi menggantikan trak tentera untuk menambahbaik pengangkutan sekolah dari kem tentera dan luar bandar. Program ini memberi faedah kepada 15,000 pelajar dan mewujudkan 650 peluang pekerjaan baharu. Bagi menghargai komitmen veteran ATM, Kerajaan terus menyediakan bayaran perubatan, ex-gratia serta bantuan pendidikan dan kebajikan. Sehingga Ogos 2014, sejumlah RM57.8 juta dibelanjakan dan sebanyak 20,000 veteran telah mendapat manfaat.

Meningkatkan Pemuliharaan Alam Sekitar dan Pengurusan Sumber

Kerajaan komited untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020, dengan pemuliharaan mampan dan pengurusan sumber secara berkesan. Penubuhan Yayasan Hijau Malaysia (YaHijau) merupakan inisiatif utama yang akan mempergiat aktiviti kesedaran bagi meningkatkan pengetahuan dan membangunkan kemahiran mengenai gaya hidup hijau melalui pelbagai program seperti Ikrar Amal Hidup Hijau, Karnival YaHijau dan Kem Belia Hijau. Kerajaan memperuntukkan RM15 juta kepada Yayasan bagi melaksanakan program ini. Sehingga Julai 2014, sejumlah RM190,000 dibelanjakan dan mendapat sambutan menggalakkan daripada rakyat.

Kerajaan terus komited untuk memulihara dan menggunakan tenaga secara cekap di bangunan Kerajaan. Empat inisiatif khusus telah dilaksanakan iaitu audit tenaga, retrofit, penggantian lampu *light-emitting diode* (LED) di kementerian terpilih dan pemasangan panel solar di 24 kementerian. Pada masa ini, semua program sedang dilaksanakan secara aktif, terutamanya proses perolehan dan pemasangan.

Kerajaan terus melaksanakan program tebatan banjir bagi membantu rakyat yang terjejas akibat banjir. Sejumlah RM659 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan 34 projek tebatan banjir. Daripada jumlah ini, RM185 juta diperuntukkan untuk melaksanakan empat Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Sungai Muda Kedah, Lembangan Sungai Muar Johor, Sungai Bunus Kuala Lumpur dan Pekan Pahang. Sehingga Ogos 2014, sejumlah RM90 juta dibelanjakan bagi pelaksanaan projek RTB yang dijangka siap secara berperingkat sehingga 2017. Projek tebatan ini dijangka mengurangkan risiko banjir yang lazimnya memberi kesan kepada lebih 166,000 penduduk di sekitar kawasan berkaitan. Kerajaan juga menyediakan peruntukan sebanyak RM89 juta bagi mengorek dan memperdalam muara Sungai Muda Kedah, Sungai Pahang (Fasa III) daerah

Pekan Pahang, Sungai Besut Terengganu dan Sungai Bongon Sabah. Sehingga Ogos 2014, sebanyak RM54.9 juta dibelanjakan bagi pelaksanaan projek tersebut.

Tambahan pula, bagi mencegah berulangnya bencana banjir lumpur yang menyebabkan kehilangan nyawa dan harta benda di Cameron Highland pada Oktober 2013, Kerajaan telah mengambil tindakan segera untuk memperluas dan memperdalam Sungai Bertam. Projek tersebut dilakukan bagi mengatasi masalah banjir kilat dan limpahan air sungai yang disebabkan oleh pelepasan air dari Empangan Sungai Abu Bakar ke Lembah Bertam. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM40 juta untuk kerja fizikal, termasuk pengambilan dan kajian tanah, penempatan semula utiliti, penandaan rizab sungai dan pembinaan jambatan.

Penyediaan Perkhidmatan Kesihatan Berkualiti

Kerajaan terus komited dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang berkualiti kepada rakyat. Bagi tujuan ini, RM5.4 bilion diperuntukkan untuk menaik taraf Hospital Kuala Lipis dan Hospital Kuala Lumpur serta pembinaan blok tambahan Hospital Jeli, Kelantan dan Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu. Kerja pembinaan hospital tersebut masih pada peringkat pelaksanaan dan dijangka siap pada 2015. Sementara itu, sebanyak RM15.6 juta diperuntukkan bagi menambah 50 Klinik 1Malaysia pada 2014 yang masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka memanfaatkan 1.5 juta rakyat.

Dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kejururawatan dan mengurangkan beban kerja jururawat, sejumlah RM21 juta diperuntukkan bagi pengambilan tambahan jururawat. Sehingga Ogos 2014, sebanyak 6,484 jururawat telah dilantik dari Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) dan kolej swasta. Sejumlah RM7.7 juta pula diperuntukkan untuk membeli bekalan ubat dan peralatan konsumabel bagi perkhidmatan kardiologi serta membekalkan kit rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal*

Dialysis (CAPD) secara percuma kepada pesakit kegagalan ginjal peringkat akhir. Kit rawatan ini akan memanfaatkan lebih 635 pesakit untuk membuat rawatan sendiri di rumah.

Membangunkan Sukan Negara

Kerajaan terus berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang sukan. Bagi tujuan ini, sejumlah RM239 juta diperuntukkan untuk menaik taraf kompleks sukan, menubuhkan Program Perintis Pengenalpastian Bakat di sekolah rendah dan melaksanakan Program Jurulatih Profesional Masa Depan untuk menggilap kemahiran jurulatih berpotensi bagi sukan terpilih. Sehingga Julai 2014, sejumlah RM5.6 juta dibelanjakan untuk menaik taraf dan membina Kompleks Sukan Beluran di Sabah, memasang padang bola sepak sintetik di IKBN Kg. Bongsu, Temerloh dan Kompleks Sukan Jerantut serta gelanggang tertutup bola keranjang di Temerloh, Pahang dan padang bola sepak di Kemasik, Terengganu.

Sejumlah RM49.6 juta pula diagihkan kepada Kumpulan Wang Amanah Sukan sehingga Jun 2014 untuk pembangunan Program Atlet Elit 2011-2014, rawatan perubatan dan penyelidikan. Program Atlet Elit 2011-2014 merupakan program untuk mempersiapkan atlet elit bagi Sukan Komanwel 2014 di Glasgow dan Sukan Asia 2014 di Incheon. Program ini telah dilancarkan pada 1 Januari 2011 dengan hampir 400 atlet dan 100 jurulatih telah menjalani latihan sepenuh masa di beberapa pusat latihan dalam dan luar negara. Sehingga akhir Jun 2014, sejumlah RM81.5 juta dibelanjakan untuk pelbagai aktiviti sukan.

Manakala, Fit Malaysia telah dilancarkan pada 7 September 2014 bertujuan memupuk gaya hidup sihat di kalangan rakyat Malaysia. Program ini telah diperluaskan di seluruh negara susulan pameran bergerak pertama di Melaka pada 14 September 2014. Sehingga Oktober 2014, hampir 50,000 penggiat kecergasan telah menyertai pelbagai aktiviti di bawah program ini.

Meningkatkan Peranan Wanita dan Mensejahterakan Keluarga

Menyedari kepentingan sumbangan wanita kepada ekonomi, program pembangunan wanita dan institusi keluarga diperuntukkan RM2.2 bilion pada 2014. Peruntukan tersebut antara lain digunakan untuk pelbagai program seperti Program Pengarah Wanita, Program Keusahawanan Purple DNA dan penambahan 23 Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Program Pengarah Wanita yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada 27 Jun 2011 bertujuan mencapai sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan di sektor korporat pada akhir 2016. Sehingga Julai 2014, sejumlah RM320,000 telah diagihkan bagi program yang memanfaatkan 797 wanita.

Bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam aktiviti sosioekonomi, Program Keusahawanan Purple DNA telah dilancarkan pada Mei 2012. Program ini memperkenalkan model perniagaan khusus untuk memperkasakan sosioekonomi golongan yang memerlukan perhatian, seperti peserta program *Community-Based Rehabilitation* (CBR) dan penghuni institusi kebajikan. Model ini berasaskan kepada prinsip keusahawanan sosial dan bertujuan menangani cabaran khusus bagi memaksimumkan kesan sosioekonomi. Sehingga Ogos 2014, sebanyak RM10 juta telah diagihkan bagi program ini memanfaatkan peserta dari CBR dan institusi kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Sementara itu, dalam meningkatkan kesejahteraan warga emas, 23 PAWE tambahan akan ditubuhkan di seluruh negara. Pusat ini menyediakan program *outreach* dan pembangunan untuk warga emas. Sehingga akhir Julai 2014, terdapat 45 pusat di seluruh negara yang menyediakan pelbagai aktiviti dan program termasuk aktiviti keagamaan dan rekreasi, terapi dan pemulihan, pemeriksaan perubatan serta latihan dan seminar berkaitan. Sehingga Ogos 2014, sejumlah RM670,000 diagihkan untuk pembinaan 20 pusat baharu.

Memperkasa Bumiputera

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program untuk mengukuhkan lagi penyertaan Bumiputera dalam pembangunan ekonomi sejajar dengan Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, termasuk bidang pendidikan, pemilikan ekuiti dan keusahawanan. Bagi bidang pendidikan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah mempergiat usaha untuk meningkatkan pengambilan pelajar kepada 250,000 pada 2020. Usaha ini melibatkan pelajar sepenuh dan separuh masa serta golongan pekerja bagi menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. UiTM juga telah memperkenalkan 581 program pengajian secara atas talian dan program pembelajaran luar kampus bagi memenuhi permintaan golongan pekerja. Bagi semester 1 sesi 2013/2014, enrolmen pelajar sepenuh masa sahaja telah meningkat sebanyak 11.3% kepada 186,484 pelajar berbanding 167,535 pada 2010. Sehingga Julai 2014, sebanyak RM1.3 bilion telah diagihkan kepada UiTM.

Bagi meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera, Kerajaan telah memperuntukkan RM300 juta kepada Dana EquiBumi di bawah Bank SME bagi memberi pinjaman kepada PKS Bumiputera yang berwibawa untuk mengambil alih syarikat tersenarai dan berpotensi untuk penyenaraian di Bursa Malaysia. Syarikat yang layak hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, mempunyai kedudukan kewangan yang baik dan memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Bank SME. Sehingga Jun 2014, sebanyak RM80.7 juta diluluskan kepada PKS Bumiputera. Kerajaan juga memperuntukkan RM200 juta kepada Bank SME untuk menubuhkan Dana Pembangunan Tanah Rezab Melayu. Dana ini disediakan sebagai kemudahan pinjaman bagi program pembangunan semula Tanah Rezab Melayu di kawasan strategik seperti Kampung Baru, Kampung Pandan dan Kampung Datuk Keramat. Sehingga Jun 2014, sebanyak RM84.9 juta diluluskan kepada pembangunan hartanah perumahan dan komersial.

Bagi meningkatkan kemahiran keusahawanan dan membantu Bumiputera memulakan perniagaan, Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) dengan dana sebanyak RM100 juta telah ditubuhkan di bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU). SUPERB mengadakan cabaran perniagaan bertujuan untuk menyokong cadangan perniagaan berimpak tinggi daripada usahawan yang berkecukupan. Setiap usahawan perlu mencadangkan idea mereka untuk mendapatkan kelulusan pembiayaan. Pemenang SUPERB Business Challenge ditawarkan dana sehingga RM500,000 bagi membangun dan mengkomersialkan idea mereka. Sehingga akhir Ogos 2014, seramai 28 usahawan telah dianugerahkan dana di bawah skim ini. SUPERB juga menawarkan sokongan perkhidmatan pembangunan dan pengkomersialan termasuk bimbingan, latihan membina kecekapan dan kemungkinan dana pembiayaan tambahan daripada syarikat modal teroka.

Kerajaan terus mengukuhkan Program Pembangunan Vendor (VDP) untuk meningkatkan daya saing usahawan Bumiputera. Bagi menggalakkan lebih banyak syarikat utama membangunkan vendor Bumiputera tempatan, perbelanjaan syarikat yang melaksanakan VDP tersebut akan diberikan potongan cukai berganda. Perbelanjaan operasi yang dibenarkan adalah terhad kepada RM300,000 setahun termasuk kos pembangunan produk, penyelidikan dan pembangunan (R&D), inovasi dan peningkatan kualiti, latihan kemahiran kos vendor dan sistem pengurusan *lean* serta sistem pengurusan kewangan. Sehingga Ogos 2014, lima syarikat utama telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kerajaan di bawah VDP.

Membantu Golongan Orang Kurang Upaya

Kerajaan terus memberi sokongan kepada golongan OKU dengan memperuntukkan sejumlah RM441 juta bagi pembangunan dan kebajikan golongan ini. Sehingga Ogos 2014, sebanyak 506,228 OKU telah berdaftar dengan JKM

untuk mendapatkan kad OKU. Dalam kalangan OKU berdaftar, majoriti terdiri daripada masalah pembelajaran iaitu 36%, diikuti dengan kurang upaya fizikal (32.8%), masalah pendengaran (11.8%), masalah penglihatan (9.4%), masalah mental (4.2%), kurang upaya pertuturan (0.7%) dan kurang upaya pelbagai (5%). Kad OKU adalah suatu tanda pengenalan diri, membolehkan mereka menikmati 25 keistimewaan OKU yang disediakan oleh Kerajaan, termasuk pengecualian fi MyKad, bil perubatan, duti import ke atas peralatan sokongan dan yuran pembaharuan lesen memandu.

Menghargai Golongan Karyawan

Kepelbagaian warisan budaya telah memperkaya negara dan membentuk perkongsian nilai kepada pembinaan negara bangsa. Kerajaan menghargai hasil seni karyawan dan terus menyediakan bantuan dan kewangan kepada mereka. Sejumlah RM6 juta diperuntukkan untuk organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar bagi menampung kos pentadbiran dan operasi. NGO ini terlibat dalam bidang kebudayaan, kesenian dan warisan, seperti muzik dan teater; tarian dan seni persembahan; kraf; seni visual; kewartawanan; pengiklanan; warisan kebudayaan; filem; fesyen dan tekstil; serta seni mempertahankan diri. Jawatankuasa Penilaian Kebudayaan ditubuhkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MoTAC) untuk menilai permohonan bantuan kewangan NGO berdasarkan garis panduan khusus. Sehingga Jun 2014, sejumlah RM4.5 juta dibelanjakan memanfaatkan 125 NGO berdaftar.

Meningkatkan Pendidikan dan Keusahawanan Masyarakat India Malaysia

Bagi menggalakkan pembangunan inklusif, Kerajaan terus memperkasakan masyarakat India Malaysia. Ke arah ini, Kerajaan memperuntukkan RM100 juta untuk meningkatkan pendidikan dan latihan kemahiran. Bagi tujuan ini, Unit Khas Masyarakat India telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk menyelaras pelaksanaan program untuk masyarakat India. Program i-Sinar, sebuah program pembangunan

sosio-ekonomi menyediakan latihan kemahiran, pembangunan usahawan, peningkatan pendidikan serta peningkatan kapasiti dan keupayaan, telah dilancarkan pada 3 September 2013 untuk masyarakat India. Program yang dikendalikan oleh NGO ini, memberi tumpuan kepada golongan miskin dan isi rumah berpendapatan rendah, termasuk belia, ibu tunggal, pelajar tercicir, warga tua, dan kumpulan berisiko tinggi. Sehingga Ogos 2014, sejumlah RM74.6 juta diluluskan kepada 41 NGO.

Bagi meningkatkan lagi kualiti hidup masyarakat India Malaysia dan memastikan penyertaan mereka dalam pembangunan arus perdana, Kerajaan telah menubuhkan Sekretariat Khas untuk Memperkasakan Usahawan India (SEED) pada Ogos 2012. SEED menyelaras inisiatif yang diumumkan Kerajaan di bawah *Malaysian Indian Economic Conference Blueprint* dengan kerjasama sektor awam dan swasta. Fungsi utama SEED adalah kemudahan kredit, pengurusan risiko kredit, khidmat nasihat perniagaan, program pembangunan vendor GLC dan juga pemantauan dan penyelidikan. Sejak penubuhannya, SEED telah menyelaras dana di bawah pelbagai skim, iaitu *Shariah-Compliant SME Financing Scheme (SSFS)*, *Business Accelerator Programme (BAP)*, *Soft Loan Scheme for SME (SLSME)*, *Enrichment and Enhancement Programme (E²)*, dan Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI). Peruntukan sebanyak RM50 juta telah dikeluarkan pada 2014 untuk SPUMI yang di bawah bidang kuasa Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN). Pinjaman juga disediakan untuk usahawan India di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan sehingga Mei 2014, sejumlah 1,385 permohonan bernilai RM6.4 juta diluluskan.

Meningkatkan Pemilikan Rumah

Usaha berterusan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan keupayaan rakyat membeli rumah, memastikan kestabilan harga dan mengawal kegiatan spekulatif berlebihan. Antara langkah yang dilaksanakan di bawah Bajet 2014 adalah membina rumah mampu milik

dengan kerjasama sektor swasta, meningkatkan harga minimum pembelian hartanah oleh warga asing dan menguatkuasakan ketelusan harga jualan hartanah.

Kerajaan terus komited bagi membolehkan rakyat, terutamanya isi rumah miskin dan berpendapatan rendah memiliki rumah mampu milik. Sejumlah RM724 juta diperuntukkan kepada Jabatan Perumahan Negara (JPN) untuk membina rumah mampu milik di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR), Program Perumahan Rakyat Disewa dan Perumahan Rakyat Bersepadu. Sehingga Ogos 2014, sebanyak 16,473 rumah PPR yang sedang di pelbagai peringkat pelaksanaan dengan peruntukan sebanyak RM578 juta, dijangka siap menjelang 2017. Sejumlah RM99.5 juta dibelanjakan untuk membina 7,838 unit di bawah Program Perumahan Rakyat Disewa dan Perumahan Rakyat Bersepadu, dijadualkan siap sepenuhnya pada 2016.

Kerajaan terus menyediakan peruntukan untuk membina tambahan Rumah Mesra Rakyat (RMR) dan Rumah Mampu Milik (RMM) di seluruh negara bagi golongan miskin dan berpendapatan rendah. Sejumlah 30,782 unit RMR dan 3,795 unit RMM telah dibina sejak 2013, melibatkan peruntukan masing-masing sebanyak RM2 billion dan RM513.3 juta. Sehingga Jun 2014, sejumlah 3,449 unit RMR dan 2,654 unit RMM sedang dibina dan dijangka selesai menjelang 2016. Sejumlah RM179 juta diperuntukkan bagi membina dan membaik pulih 8,175 rumah di bawah Program Bantuan Rumah untuk menyediakan rumah berkualiti bagi golongan miskin tegar dan miskin di kawasan luar bandar. Sehingga Julai 2014, sebanyak 4,760 rumah dibina atau dibaik pulih bernilai RM80.8 juta.

Kerajaan juga memperuntukkan RM488.2 juta pada 2014 untuk membina 3,000 unit Rumah Idaman Rakyat (RIR) untuk isi rumah berpendapatan bulanan di bawah RM7,500. Sehingga Jun 2014, sebanyak 1,786 unit RIR dalam peringkat perancangan dan pembinaannya dijangka akan bermula pada suku keempat 2014. Sebagai inisiatif untuk menggalakkan sektor

swasta membina lebih banyak rumah berkualiti dan mampu milik bagi isi rumah berpendapatan sederhana, Kerajaan menubuhkan Skim *MyHome* pada 2014 dengan peruntukan sebanyak RM300 juta. Skim ini bertujuan membantu pembinaan 10,000 rumah mampu milik dengan menawarkan subsidi berjumlah RM30,000 bagi setiap unit dibina. Skim ini terbahagi kepada dua kategori iaitu *MyHome1* dan *MyHome2*. *MyHome1* menawarkan subsidi untuk rumah dengan harga pasaran antara RM80,000 hingga RM120,000 kepada isi rumah dengan pendapatan bulanan antara RM3,000 hingga RM4,000. Manakala, bagi isi rumah dengan pendapatan bulanan antara RM4,001 hingga RM6,000, *MyHome2* akan menawarkan subsidi pembelian rumah bernilai antara RM120,001 dan RM200,000. Sejak pelancarannya pada Mac 2014, skim ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pemaju dan pembeli rumah. Sehingga Ogos 2014, sejumlah 62,938 pembeli rumah telah memohon untuk skim ini dan 65 projek dengan 14,965 rumah di pelbagai peringkat pelaksanaan.

Bagi isi rumah berpendapatan sederhana antara RM2,500 dan RM7,500, Kerajaan memperuntukkan RM1 bilion pada 2014 untuk Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) bagi membina 80,000 rumah PR1MA. Sejak mula dilaksanakan pada 2012, PR1MA meluluskan pembinaan 82,609 rumah di bandar dan pinggir bandar, dengan harga jualan purata 20% lebih rendah daripada harga pasaran. Sehingga akhir Julai 2014, sejumlah RM501.6 juta disalurkan dengan 7,336 unit dalam pembinaan dan tambahan 31,469 unit dijadualkan mula dibina pada akhir 2014.

Kerajaan memperuntukkan RM100 juta di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia pada 2014 untuk menyediakan bantuan penyelenggaraan kepada perumahan swasta berkos rendah dan sederhana rendah. Melalui Tabung ini, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan 90% bantuan penyelenggaraan kepada unit perumahan kos rendah dan 70% bagi rumah kos sederhana rendah, manakala bakinya ditanggung oleh Badan Pengurusan Bersama perumahan tersebut. Sehingga Ogos 2014, sejumlah RM40.4 juta

dibelanjakan untuk melaksanakan program penyelenggaraan di 97 projek perumahan swasta berkos rendah dan sederhana rendah di seluruh negara.

Sejumlah RM81.9 juta diperuntukkan pada 2014 untuk memulihkan projek perumahan di bawah Program Pemulihan Perumahan Terbengkalai yang diperkenalkan pada 2009. Sehingga Ogos 2014, sebanyak 157 projek perumahan terbengkalai yang melibatkan 26,169 pembeli telah berjaya dipulihkan, manakala 25 projek lagi sedang dalam pembinaan dan 30 projek pula dalam peringkat perancangan.

Kerajaan telah menubuhkan Majlis Perumahan Negara (NHC) bagi memantau, menyelaraskan dan merangka inisiatif ke arah mencapai hasrat Kerajaan membina satu juta unit rumah mampu milik dalam tempoh lima tahun dapat dicapai. Mesyuarat NHC pertama telah diadakan pada 13 Februari 2014 melibatkan agensi Kerajaan Persekutuan termasuk JPN, PR1MA dan Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) serta kerajaan negeri dan sektor swasta. Majlis ini telah membincangkan strategi dan pelan tindakan untuk menangani kenaikan mendadak harga rumah dan membangunkan *Myhome Exchange* iaitu pangkalan data komprehensif mengenai sektor perumahan. Pangkalan data ini akan membekalkan maklumat tepat dan menyeluruh untuk membantu NHC merangka polisi berhubung hala tuju dan pembangunan industri perumahan.

Penyeragaman Harga Barangan

Beberapa langkah sedang dilaksanakan untuk menyeragamkan harga barangan keperluan asas yang dikawal di seluruh negara, terutama di luar bandar dan pedalaman. Di bawah skim Keseragaman Harga, sejumlah RM331 juta diperuntukkan pada 2014 bagi melaksanakan pelbagai langkah termasuk subsidi pengangkutan, program “1Malaysia 1Harga” dan inisiatif Kedai Rakyat 1Malaysia Bergerak (Mobile KR1M) di bawah NBOS. Sehingga Ogos 2014, sejumlah

RM208.2 juta diagihkan dan memanfaatkan 4.5 juta penduduk luar bandar dan pedalaman Sabah, Sarawak, Labuan dan beberapa kawasan di Semenanjung.

Kerajaan memperuntukkan RM29.5 juta untuk memperluaskan KR1M yang menawarkan pelbagai barangan keperluan rumah dengan potongan harga sehingga 50% lebih rendah berbanding harga pasaran. Sejak dilancarkan pada Jun 2011, sejumlah 139 KR1M beroperasi di seluruh negara dengan sekurang-kurangnya satu KR1M bagi setiap kawasan Parlimen untuk meringankan kenaikan kos sara hidup, terutamanya golongan mudah terjejas dan berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar. Sehingga Ogos 2014, sebanyak 14 KR1M baharu telah dibuka kebanyakannya di Sabah dan Sarawak, manakala 22 KR1M masih dalam pembinaan dan lima KR1M tambahan dirancang untuk dibina.

Meneruskan Bantuan Rakyat 1Malaysia

Kerajaan terus melaksanakan BR1M pada 2014 untuk mengurangkan beban isi rumah berpendapatan rendah. BR1M 2014 telah ditambah baik merangkumi peningkatan jumlah bantuan tunai, memperluas kategori dan memperkenalkan Kumpulan Takaful Rakyat 1Malaysia (i-BR1M). Kerajaan telah menambah nilai pemberian BR1M daripada RM500 kepada RM650 untuk isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah. Bantuan kewangan sebanyak RM450 pula diperluaskan kepada isi rumah berpendapatan sederhana antara RM3,001 dan RM4,000 sebulan. Pemberian BR1M kepada individu bujang berumur 21 tahun ke atas berpendapatan RM2,000 dan ke bawah sebulan telah ditingkatkan daripada RM250 kepada RM300. Sehingga Ogos 2014, sebanyak RM3.64 bilion dibelanjakan untuk program bantuan tunai BR1M memanfaatkan 4.6 juta isi rumah dan 2.3 juta individu bujang.

Bantuan sebanyak RM50 dalam bentuk caruman premium kepada i-BR1M diberikan kepada semua penerima BR1M kategori isi rumah menjadikan jumlah keseluruhan bantuan kewangan sebanyak

RM700 kepada isi rumah berpendapatan rendah dan RM500 untuk isi rumah berpendapatan sederhana rendah. Langkah ini memberi perlindungan sehingga RM30,000 sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal antara 1 Januari hingga 31 Disember 2014. Sehingga Ogos 2014, sejumlah RM197.3 juta dibelanjakan bagi i-BR1M dan 10,343 tuntutan dibuat oleh penerima BR1M bernilai RM32.8 juta.

Pengurusan Ekonomi 2015

Ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan positif pada 2015, disokong oleh persekitaran ekonomi global yang bertambah baik dan permintaan domestik yang mampan. Namun begitu, sebagai sebuah ekonomi terbuka serta dalam persekitaran peningkatan liberalisasi di peringkat global, Malaysia masih terdedah kepada risiko luaran. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengukuhkan daya tahan luar ekonomi negara dengan meningkatkan kepelbagaian perdagangan dan sumber pelaburan. Langkah ini memastikan kedudukan lebih akaun semasa kekal kukuh bagi menghadapi sebarang risiko luar jangka. Bagi ekonomi domestik, sungguhpun negara telah mencapai kemajuan ketara dari segi prestasi ekonomi, pelaburan dan kedudukan daya saing antarabangsa, terdapat beberapa isu utama yang perlu diberi perhatian. Antara isu tersebut termasuk jurang pendapatan dan pembangunan wilayah, kenaikan kos sara hidup serta kekurangan tenaga buruh mahir. Oleh itu, pengurusan ekonomi pada 2015 menumpukan proses mentransformasi ekonomi secara berterusan bagi mencapai pertumbuhan saksama dan seimbang untuk jangka masa sederhana dan panjang.

Dasar makroekonomi yang pragmatik dan sistem kewangan yang kukuh adalah sama penting bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Langkah monetari pada 2015 akan terus menyokong pertumbuhan di samping mengurangkan risiko ketidakseimbangan ekonomi dan kewangan yang boleh menjejaskan prospek pertumbuhan jangka

panjang. Sementara itu, langkah fiskal akan kekal menyokong aktiviti ekonomi dan inisiatif pembaharuan walaupun konsolidasi kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan masih diteruskan. Pada masa yang sama, dasar berteraskan ekonomi berorientasikan rakyat akan diberi penekanan bagi mencapai pertumbuhan inklusif. Langkah yang diambil akan lebih disasarkan untuk memberi manfaat kepada isi rumah 40% terendah dan golongan mudah terjejas.

Isu dan Cabaran

Ketahanan Ekonomi

Pelaburan swasta telah kembali menjadi salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi sejak 2012. Sumbangan pelaburan swasta kepada KDNK telah meningkat 16.7% pada 2013 berbanding dengan 12.8% pada 2010 berikutan pertumbuhannya yang kukuh sebanyak 13.1% pada 2013. Bagi mempercepatkan pelaburan swasta berkualiti dalam 12 NKEA, terdapat keperluan untuk terus memberi tumpuan kepada dasar pro-pertumbuhan dan mesra perniagaan. Sementara itu, PKS kurang berminat untuk melabur dalam teknologi dan meningkatkan nilai rantai disebabkan pelbagai faktor termasuk mendapatkan pekerja asing berkemahiran rendah dengan mudah dan kesukaran mendapatkan pembiayaan.

Sebagai sebuah ekonomi terbuka, perdagangan Malaysia (2013: 139% kepada KDNK) terdedah kepada risiko persekitaran global seperti pertumbuhan ekonomi lebih rendah daripada jangkaan, tekanan geopolitik, ketidakpastian harga komoditi dan gangguan rantai bekalan. Walaupun eksport barangan pembuatan adalah kukuh, sumbangan eksport perkhidmatan kepada KDNK masih rendah 12.9% pada 2013 (2000: 14.9%).

Di bawah Pelan Induk Sektor Perkhidmatan, sektor ini dijangka meningkat sumbangannya pada 60% kepada KDNK pada tahun 2020 (2013: 55.2%).

Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa isu penting yang menghalang pertumbuhan sektor perkhidmatan termasuk ciri kepelbagaian sektor tersebut dan sebahagian besarnya adalah perusahaan mikro yang bergantung kepada pekerja kurang mahir. Sementara itu, sumbangan pekerja yang berkemahiran tinggi dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam sektor kewangan, ICT, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan profesional lain masih rendah. Selain itu, penggunaan teknologi dan automasi yang rendah di kalangan PKS menghalang mereka mendapat manfaat daripada kemajuan pesat ICT dan ekonomi pengetahuan.

Kesejahteraan Rakyat

Bagi mengukur tahap kesejahteraan rakyat dengan lebih baik, Kerajaan telah membangunkan beberapa indeks bagi menilai kesan dasar dan program pembangunan sosioekonomi ke atas kesejahteraan rakyat. Penemuan menunjukkan indeks kesejahteraan dan kebahagiaan negara telah meningkat dalam tempoh 2012 – 2013. Walau bagaimanapun, kedudukan Malaysia dalam UNDP *World Happiness Report* yang mengambilkira pengukuran lebih komprehensif mengenai kesejahteraan dan kegembiraan, telah menurun daripada tangga ke-51 (6.14 mata) pada 2012 kepada ke-56 (5.16 mata) pada 2013. Malaysia menunjukkan pencapaian baik bagi dua parameter, iaitu sokongan sosial dan KDNK per kapita, manakala skor rendah dicatat bagi empat parameter lain iaitu jangka hayat kesihatan, kebebasan membuat pilihan, pemurah dan persepsi terhadap rasuah.

Selain itu, dalam usaha untuk mencapai agihan pendapatan yang saksama, Kerajaan terus melaksanakan pendekatan secara inklusif dengan menyediakan akses dan peluang yang sama kepada rakyat untuk mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi. Kajian pendapatan isi rumah 2014 menunjukkan purata pendapatan isi rumah meningkat sebanyak 8.4% daripada RM5,000 pada 2012 kepada RM5,919 pada 2014. Tambahan pula, pekali Gini turut mencatatkan 0.421 pada 2014 (2012: 0.431), menunjukkan peningkatan jurang pendapatan dalam perbezaan

kekayaan dalam kalangan rakyat. Kadar kemiskinan negara terus menurun kepada 1% (2012: 1.7%) dengan Sabah mencatatkan penambahbaikan ketara kepada 6.4% (2012: 8.1%). Berikutan pembangunan pesat di kawasan bandar, nisbah jurang pendapatan di antara luar bandar dan bandar menunjukkan pendapatan penduduk bandar adalah lebih tinggi pada nisbah 1:1.85 pada 2014 (2012: 1:1.86). Walau bagaimanapun, usaha perlu ditingkatkan untuk mengurangkan jurang pembangunan wilayah dan perbezaan bandar dan luar bandar untuk merapatkan jurang pendapatan dalam negara.

Pembangunan Modal Insan

Pelaburan dalam pembangunan modal insan adalah penting ke arah mencapai pendapatan tinggi serta ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi. Oleh itu, terdapat keperluan untuk melengkapkan tenaga kerja dengan kemahiran yang diperlukan bagi memenuhi permintaan industri yang sentiasa berubah, meningkatkan produktiviti dan rantai nilai. Malaysia berada di kedudukan ke-12 daripada 60 negara di *World Competitiveness Yearbook* (WCY) 2014, namun produktiviti buruh berada pada kedudukan rendah iaitu ke-47. Walaupun pelaburan modal adalah tinggi, pertumbuhan produktiviti kekal rendah 2.3% pada 2013, menunjukkan penggunaan teknologi yang rendah dan kekurangan tenaga kerja yang berkualiti.

Isu ketidaksepadanan kemahiran antara buruh sedia ada dan keperluan industri menjadi perhatian utama. Pada masa ini, peratusan tenaga kerja berpendidikan menengah adalah 56% yang mana kebanyakannya pekerja berkemahiran rendah. Manakala tenaga kerja lepasan tertiar hanya 24.7%. Antara kelemahan utama di kalangan pekerja termasuk pemikiran yang kurang kreatif, kemahiran berkomunikasi yang lemah terutamanya penguasaan bahasa Inggeris dan ketidakupayaan untuk bekerja dengan pengawasan minimum.

Oleh itu, kurikulum, termasuk pengajaran kemahiran *soft skills* di institut teknikal dan vokasional, politeknik serta universiti perlu diperkukuhkan bagi melahirkan guna tenaga yang

berkemahiran tinggi dan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan industri. Negara juga menghadapi kekurangan tenaga mahir disebabkan penghijrahan keluar tenaga kerja terlatih dan kadar upah yang rendah. Usaha lebih gigih perlu dilaksanakan untuk menambah baik persekitaran kerja agar dapat menarik, memupuk dan mengekalkan bakat. Kebergantungan yang tinggi kepada tenaga buruh asing tidak mahir di pasaran buruh akan terus membataskan usaha intensif modal dan automasi yang merupakan langkah penting untuk memacu ekonomi ke tahap lebih tinggi.

Walaupun sebilangan besar wanita berpendidikan tertuari, penyertaan wanita dalam pasaran buruh hanya mencatatkan 52.4% pada 2013. Kadar penyertaan tersebut masih rendah berbanding negara jiran seperti Thailand pada 70% dan Singapura pada 60%. Antara masalah yang dihadapi oleh wanita bekerja adalah kekurangan kemudahan sokongan seperti pusat asuhan kanak-kanak, waktu kerja yang tidak fleksibel serta kekurangan peluang untuk kembali bekerja. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh untuk memanfaatkan potensi mereka dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Kenaikan Kos Sara Hidup

Walaupun pendapatan per kapita negara telah meningkat, namun begitu rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana masih sukar berhadapan dengan peningkatan kos sara hidup. Keadaan ini disebabkan kenaikan harga makanan, pengangkutan, perumahan dan utiliti. Rasionalisasi subsidi bahan api pada September 2013 dan kenaikan tarif elektrik pada Januari 2014 meningkatkan kadar inflasi kepada 3.3% dalam tempoh lapan bulan pertama 2014 (Januari – Ogos 2013: 1.7%). Tambahan pula, pengurangan subsidi minyak sebanyak 20 sen berkuatkuasa 2 Oktober 2014 juga dijangka menyumbang kepada tekanan inflasi. Walaupun pelaksanaan GST pada April 2015 dijangka memberi tekanan inflasi, kesannya bersifat sementara dan dijangka berkurangan selepas

beberapa bulan pelaksanaannya. Keadaan ini pernah dialami oleh beberapa negara lain yang sama ada baru memperkenalkan GST atau menaikkan kadar cukai tersebut.

Tambahan lagi, harga bagi hartanah kediaman telah meningkat, terutamanya sejak 2010 dan menjejaskan kemampuan rakyat untuk memiliki rumah terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Harga rumah, berdasarkan Indeks Harga Rumah Malaysia mencatat peningkatan purata sebanyak 10% setahun dalam tempoh 2010 - 2013. Peningkatan ini disebabkan oleh penawaran rumah yang terhad, aktiviti spekulasi dan kos bahan binaan serta tenaga yang lebih tinggi.

Pembangunan Infra dan Infostruktur

Sungguhpun Malaysia telah mencapai kejayaan membanggakan dalam pembangunan infrastruktur asas kepada rakyat, masih terdapat jurang antara wilayah serta kawasan bandar dan luar bandar. Memandangkan bentuk muka bumi yang tidak rata dan terpencil di sesetengah kawasan, adalah menjadi satu cabaran untuk menyediakan pengangkutan awam dan infrastruktur seperti jalan raya, landasan kereta api, pelabuhan dan utiliti. Tambahan pula, kawasan bandar masih kekurangan sistem pengangkutan awam yang cekap.

Liputan bekalan air terawat di kawasan bandar adalah 97% manakala di luar bandar 92.5% pada 2013. Di sebalik pencapaian membanggakan ini, terdapat beberapa isu yang menjejaskan bekalan air bersih tanpa gangguan kepada kawasan bandar dan luar bandar seperti pencemaran, air tidak berhasil (NRW), rizab air yang tidak mencukupi dan permintaan air yang tinggi. Beberapa sungai yang menjadi sumber utama air terawat telah dicemari. NRW adalah isu utama yang dihadapi oleh syarikat utiliti air. Paras jangkaan NRW pada 2013 adalah 36.6% disebabkan oleh beberapa faktor seperti paip yang terlalu lama, kurang penyelenggaraan rangkaian paip, sambungan secara haram dan kekurangan kawalan kebocoran. Simpanan bekalan air terawat seluruh negara yang belum

mencapai sasaran 20% turut menyumbang kepada gangguan bekalan air, terutamanya pada waktu puncak. Selain itu, permintaan air bagi keperluan harian telah bertambah berikutan perkembangan pesat ekonomi dan pertumbuhan penduduk. Tambahan pula, kapasiti semasa air terawat masih tidak dapat memenuhi permintaan domestik mengakibatkan beberapa negeri seperti Selangor, Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Melaka mengalami gangguan bekalan air.

Beberapa inisiatif telah diambil bagi meningkatkan penembusan jalur lebar dan merapatkan jurang digital. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa isu seperti kelajuan yang perlahan, sambungan jalur lebar yang berkos tinggi, ancaman keselamatan siber dan transaksi e-perkhidmatan yang rendah. Dengan kepentingan ICT yang semakin meningkat, terdapat juga peningkatan risiko dan ancaman keselamatan siber. Usaha perlu diambil untuk meningkatkan perkhidmatan jalur lebar selari dengan permintaan yang semakin meningkat bagi e-perkhidmatan oleh komuniti perniagaan dan isi rumah. Selain itu, walaupun Kerajaan aktif memperkenalkan ICT di kalangan penduduk luar Bandar, tahap kesedaran ICT di kawasan luar bandar masih rendah. Hal ini memerlukan usaha yang lebih untuk menggalakkan penggunaan aplikasi ICT dan menjadikan perkhidmatan jalur lebar lebih mampu milik, lebih dipercayai dan pantas.

Inisiatif Strategik – Bajet 2015

Bajet 2015 merupakan bajet terakhir dalam tempoh pelaksanaan RMKe-10. Bajet ini akan terus menangani isu yang berkaitan dengan pengukuhan momentum pertumbuhan, kemampanan tadbir urus fiskal, mengukuhkan modal insan serta memakmurkan rakyat. Dalam hal ini, Kerajaan akan terus bekerjasama dengan sektor awam dan swasta serta NGO ke arah membangunkan sebuah negara yang dinamik dan progresif.

Dasar pro pertumbuhan akan diteruskan bagi mencapai keseimbangan yang lebih baik antara ekonomi modal dan ekonomi rakyat. Ekonomi modal memberi tumpuan kepada usaha menarik

pelaburan, melaksana projek mega, memperkukuh sektor kewangan dan meningkatkan pendapatan per kapita. Sementara itu, ekonomi rakyat menekankan kepada pelaksanaan projek dan program yang memberi manfaat kepada rakyat, khususnya yang berpendapatan rendah dan mudah terjejas seperti melaksana projek infrastruktur sosial dan memperkukuh jaringan keselamatan sosial. Walau bagaimanapun, inisiatif ekonomi modal seperti projek MRT dan lebuh raya Pan Borneo akan memberi impak limpahan positif kepada ekonomi rakyat seperti peningkatan peluang pekerjaan, penjagaan kesihatan serta kemudahan pengangkutan awam yang lebih baik dan peningkatan pendapatan. Perkembangan ini seterusnya menyumbang kepada kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat.

Memperkukuh Momentum Ekonomi

Kerajaan komited untuk merangka dasar yang memastikan persekitaran pelaburan kekal menarik kepada komuniti perniagaan di samping terus memacu transformasi ekonomi dan melaksanakan langkah liberalisasi. Kerajaan akan terus menyediakan persekitaran kondusif yang dapat menarik pelaburan berkualiti dalam sektor perkhidmatan dan industri berintensif pengetahuan bagi meningkatkan rantai nilai. Pertumbuhan ekonomi akan diterajui oleh sektor swasta manakala Kerajaan akan terus memainkan peranan sebagai pemudah cara. Dalam hal ini, kerjasama sektor awam dan swasta akan diteruskan dalam pembangunan infrastruktur awam dan pelaksanaan lain-lain projek strategik.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif sejak beberapa tahun untuk menarik pelaburan berkualiti dan usaha ini telah meningkatkan kedudukan Malaysia di pelbagai penanda aras antarabangsa. Kedudukan terkini Malaysia dalam *Global Competitiveness Report* (GCR) 2014 telah meningkat daripada tempat ke-24 kepada ke-20. Manakala dalam A.T. Kearney's 2014 *Global Services Location Index*, Malaysia berada pada kedudukan ke-3, selepas India dan China untuk destinasi pilihan luar pesisir.

Ekonomi Modal dan Ekonomi Rakyat

Pengenalan

Teras pembangunan Malaysia tertumpu kepada usaha untuk mencapai keseimbangan di antara ekonomi modal dan ekonomi rakyat. Ekonomi modal memfokuskan kepada penggunaan sumber kewangan bagi menjana kekayaan serta mewujudkan dan membangunkan perniagaan yang besar. Modal memberikan pulangan yang tinggi dan menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan KDNK. Sementara itu, ekonomi rakyat pula memberi fokus kepada pertumbuhan inklusif untuk kesejahteraan masyarakat pada umumnya. Program yang berteraskan rakyat akan membawa manfaat terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas.

Ciri-Ciri Ekonomi Modal Berbanding Ekonomi Rakyat

Ekonomi modal merangkumi projek pelaburan awam dan swasta yang berskala besar serta pasaran kewangan yang mendalam. Pertumbuhan dan kemakmuran ekonomi adalah diterajui dengan lebih cekap oleh syarikat swasta. Sehubungan dengan itu, Kerajaan pada kebiasaannya menyediakan infrastruktur diperlukan dan mewujudkan ekosistem yang bersesuaian bagi memudahkan sektor swasta terus berkembang dan maju. Pasaran kewangan, termasuk sistem perbankan dan pasaran modal, bersedia untuk membiayai syarikat swasta dengan projek yang berpotensi dan berdaya maju. Hasilnya, sektor perniagaan yang terus maju akan menyumbang kepada pertumbuhan KDNK dan penambahan hasil kerajaan dalam bentuk cukai.

Sementara itu, ekonomi rakyat pula merangkumi pekerja yang menerima upah, perniagaan kecil, sektor bukan formal dan rakyat. Secara amnya, rakyat memberi tumpuan kepada isu berkaitan perbelanjaan isi rumah, kos sara hidup, jaminan pekerjaan dan kesejahteraan keluarga. Rakyat mengharapkan kehidupan yang berkualiti, perkhidmatan kesihatan yang lebih baik serta peluang ekonomi dan pendidikan yang meningkat.

Kedua-dua komponen yang berbeza ini, iaitu ekonomi modal dan ekonomi rakyat adalah saling berkaitan. Ekonomi modal melibatkan pelaburan dalam unit pengeluaran seperti kilang, loji dan perniagaan yang menyediakan pekerjaan dan pendapatan kepada rakyat. Isu utama adalah pertumbuhan upah tidak sepadan dengan keuntungan korporat. Sektor perniagaan dan perkilangan cenderung untuk mengambil tenaga kerja pada kos yang paling rendah untuk memaksimumkan keuntungan. Akibatnya, pulangan kepada buruh secara umumnya lebih rendah daripada pulangan kepada modal. Pendapatan yang rendah menyebabkan tahap kesejahteraan rakyat semakin terjejas, dan mereka terpaksa berusaha untuk menangani kos sara hidup yang semakin meningkat ataupun memenuhi keperluan asas.

Mengimbangkan Ekonomi Modal dan Ekonomi Rakyat

Sungguhpun ekonomi modal yang rancak memang diakui penting, Kerajaan kekal komited dalam menggalakkan ekonomi rakyat dan memastikan faedah pertumbuhan dinikmati rakyat. Dalam hal ini, Kerajaan telah merangka pelbagai polisi dan melaksanakan inisiatif transformasi bagi menjamin kejayaan ekonomi dan pertumbuhan tinggi dapat menyumbang kepada penambahbaikan kualiti hidup rakyat. Falsafah Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan dan inisiatif Polisi Transformasi Nasional termasuk Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Komuniti (CTP) mendorong Malaysia mencapai sasaran pendapatan tinggi dan pertumbuhan inklusif.

Matlamat ETP adalah untuk menarik pelaburan swasta ke sektor yang berpotensi memberi pulangan yang tinggi dan mewujudkan peluang pekerjaan yang akan merangsang ekonomi modal. Sejak pelaksanaan ETP, KDNK sebenar negara berkembang stabil pada kadar purata 5.8% setahun bagi tempoh 2009 hingga 2013. Pertumbuhan ini dipacu oleh pelaburan sektor swasta yang meningkat


18.6% dalam tempoh yang sama. Pada 2013, pelaburan swasta menyumbang 60.5% daripada jumlah pelaburan. Pertumbuhan kukuh dalam pelaburan telah menjana 1.3 juta peluang pekerjaan sehingga akhir 2013. Sementara itu, pada 2013 PNK per kapita telah meningkat kepada USD10,060 berbanding USD7,059 pada tahun 2009, meletakkan Malaysia pada landasan bagi mencapai sasaran negara pendapatan tinggi USD15,000 menjelang 2020.

GTP melalui tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara telah menyumbang kepada ekonomi rakyat dan meningkatkan kebajikan rakyat melalui penambahbaikan akses kepada kemudahan dan perkhidmatan penting, pelaksanaan program menjana pendapatan dan mewujudkan persekitaran yang selamat bagi komuniti untuk hidup, bekerja dan berkembang. CTP menangani isu bandar dan luar bandar supaya kawasan berkenaan lebih sesuai didiami dan produktif. Selain itu, Kerajaan terus memperuntukkan sekurang-kurangnya 26% daripada perbelanjaan pembangunan kepada sektor sosial bagi membina dan menaiktarafkan sekolah, universiti, hospital dan perumahan mampu milik. Projek pelaburan infrastruktur awam seperti MRT dan Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang akan menyumbang kepada ekonomi modal dan faedah limpahan untuk ekonomi rakyat seperti mewujudkan peluang pekerjaan dan menambahbaik kemudahan pengangkutan awam. Selain itu, Kerajaan menyokong ekonomi rakyat melalui program bantuan sosial seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), bantuan persekolahan dan baucar buku kepada kumpulan sasar.

Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diperkenalkan pada 2009, telah membawa satu lagi anjakan paradigma kepada perkhidmatan awam yang merevolusikan pelaksanaan projek dan program awam serta pengurusan cabaran utama ekonomi. Inisiatif NBOS dirangka untuk membawa perubahan yang berimpak tinggi, kos rendah dan pelaksanaan yang pantas melalui kerjasama dengan pihak yang berkepentingan. NBOS juga menyokong penglibatan antara tiga pihak iaitu Kerajaan, sektor swasta dan rakyat untuk memastikan program dapat disasarkan dengan baik dan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

CARTA 1


Pekali Gini Malaysia, 1970 – 2014



Sumber: Penyiataan Selepas Banci, 1970; Banci Pertanian 1977; Penyiataan-Penyiataan Pendapatan Isi Rumah; Kompilasi Statistik - Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 2

Komponen Pendapatan daripada KDNK pada Harga Semasa – Peratusan daripada KDNK



Sumber : Akaun Negara, KDNK, Kaedah Pendapatan, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Selaras dengan polisi untuk membangunkan ekonomi rakyat, purata pendapatan kasar bulanan isi rumah meningkat pada kadar purata tahunan 8.4% dari RM5,000 pada tahun 2012 kepada RM5,919 pada tahun 2014. Pendapatan median juga telah meningkat daripada RM3,626 kepada RM4,258 dalam tempoh yang sama manakala pendapatan isi rumah 40% terendah berkembang 11.2% dari RM1,847 kepada RM2,312. Lanjutan itu, Pekali Gini telah bertambah baik dari 0.431 kepada 0.421. Sementara itu, sumbangan ganjaran pekerja kepada KDNK telah mencatatkan pertumbuhan daripada 29.5% pada 2005 kepada 33.6% pada tahun 2013. Kerajaan akan memperhebat usaha untuk melonjakkan ekonomi rakyat bagi meningkatkan sumbangan pampasan pekerja kepada 40% daripada KDNK. Kesemua petunjuk ini menunjukkan bahawa pertumbuhan semakin inklusif di Malaysia.

Kesimpulan

Status negara berpendapatan tinggi, pertumbuhan inklusif dan perkongsian kemakmuran merupakan keutamaan Kerajaan. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa berusaha untuk melaksanakan dasar dan langkah untuk mengembangkan dan mengimbangi ekonomi modal dan ekonomi rakyat. ETP dan projek pembangunan di bawah RMKe-10 dijangka menyumbang kepada PNK, manakala falsafah Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan; GTP dan NBOS pula akan memperluas faedah pertumbuhan. Ini termasuk penambahbaikan dalam keselamatan awam, pendapatan dan penggunaan isi rumah, jaringan keselamatan sosial dan penyediaan perkhidmatan asas yang akan menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

Menurut A.T. Kearney, kekuatan Malaysia adalah termasuk kestabilan politik dan tenaga kerja yang berkemahiran pelbagai bahasa. Kerajaan akan terus memperbaiki daya saing Malaysia dengan meningkatkan persekitaran pelaburan, mengurangkan halangan kawal selia, menambah baik penyampaian perkhidmatan sektor awam dan mengukuhkan keupayaan teknologi negara bagi mencapai pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi.

Sebagai sebuah negara perdagangan, Malaysia terdedah kepada cabaran dalam persekitaran luaran. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan sektor eksport kekal berdaya tahan, berdaya saing dan menyeluruh. Langkah akan diambil untuk mengukuhkan pertumbuhan eksport, terutamanya eksport perkhidmatan, melalui bantuan yang bersasar. Kerajaan akan terus membantu pengeksport mempelbagaikan komposisi produk dengan memberi tumpuan kepada aktiviti bernilai tambah tinggi; mengukuhkan kedudukan mereka dalam pasaran sedia ada; dan menembusi pasaran baharu. Bantuan kepada komuniti perniagaan termasuk dari segi geran dan pinjaman mudah; program latihan dan kesedaran mengenai peluang eksport dan pelaburan serta khidmat nasihat dan teknikal. Program sokongan lain termasuk penganjuran misi promosi perdagangan dan pelaburan, pameran serta ekspo perdagangan.

Sektor perkhidmatan yang merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi akan diperkukuhkan melalui pelaksanaan Pelan Induk Sektor Perkhidmatan. Pelan Induk ini menangani beberapa bidang yang boleh dipertingkatkan serta isu semasa yang menghalang pertumbuhan sektor ini. Inisiatif ini termasuk memperkenalkan skim pembiayaan untuk PKS, insentif penyelidikan serta menggalakkan industri pelancongan. PKS dalam sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada perusahaan di Malaysia. Dalam hal ini, beberapa langkah akan dilaksanakan untuk meningkatkan inovasi; penyelidikan, pembangunan dan pengkormersialan (R&D&C) serta produktiviti dalam kalangan PKS melalui kerjasama yang lebih erat dengan pelbagai agensi. Langkah juga diambil bagi meningkatkan kemudahan makmal dan infrastruktur. Bagi menyokong inisiatif ini,

peranan Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) akan diperkukuhkan melalui langkah penjenamaan semula.

Bidang pertumbuhan lain yang berpotensi adalah sektor logistik Halal, yang dijangka berkembang sejajar dengan industri makanan Halal. Malaysia, dengan kelebihan yang ada, khususnya sistem pensijilan Halal yang diiktiraf di peringkat global, mempunyai potensi untuk muncul sebagai hab logistik halal di rantau ini.

Bagi memperkukuhkan lagi sektor pertanian, Kerajaan akan menyokong inisiatif untuk meningkatkan hasil pertanian serta mempergiat pemasaran seperti mewujudkan pusat pengumpulan dan pengedaran, pembukaan pasar tani kekal, dan mengembangkan kemudahan *cold room*. Di samping itu, bagi merangsang eksport hasil pertanian tempatan, Agro Bazaar akan diperluaskan ke lokasi strategik antarabangsa lain. Agro Bazaar menyediakan platform kekal kepada PKS untuk memasarkan produk pertanian yang berkualiti tinggi dalam pasaran global.

Industri kewangan Islam di peringkat global telah mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan dengan purata 15% - 20% setiap tahun sejak sedekad yang lalu. Dalam hal ini, Malaysia adalah peneraju dalam mempromosikan kewangan Islam di peringkat domestik dan antarabangsa. Rangka Kerja Sukuk SRI yang baru dilancarkan ini mencerminkan usaha inovatif Malaysia untuk memperkenalkan pelaburan patuh Syariah yang mampan dan bertanggungjawab. Bagi memanfaatkan ekosistem kewangan Islam yang kukuh dan menyeluruh serta persekitaran propertniagaan, usaha akan dipergiat untuk mempromosi Malaysia sebagai destinasi pilihan kewangan Islam. Ini termasuk membangunkan produk baharu patuh Syariah yang dapat memenuhi keperluan pasaran yang sentiasa berubah. Sementara itu, bagi menggalakkan lagi pembangunan PKS, usaha akan diambil untuk memperluaskan pembiayaan Islam kepada PKS untuk membantu mereka berkembang, terutamanya mereka yang baru memulakan perniagaan.

Pengukuhan Tadbir Urus Fiskal Yang Mampan

Langkah pengurusan makroekonomi dan pembaharuan fiskal yang berkesan adalah penting bagi mengurangkan defisit serta menguruskan hutang secara berkesan. Kerajaan akan meneruskan usaha pengukuhan dengan mengkaji semua aspek pengurusan fiskal, termasuk peningkatan hasil, rasionalisasi subsidi, perbelanjaan berhemah, meningkatkan kecekapan sektor awam dan menguruskan perbelanjaan *off-budget*. Menyedari keperluan untuk memperluaskan asas cukai dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil minyak, Kerajaan akan melaksanakan GST pada April 2015. Dalam hal ini, Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 akan dikuatkuasakan sepenuhnya dan Bahagian Penguatkuasaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) akan diperkukuhkan untuk memantau aktiviti pencatutan dan memastikan pelaksanaan yang lancar dan teratur bagi GST. Sementara itu, subsidi rasionalisasi bahan api akan diteruskan melalui mekanisme subsidi yang lebih bersasar.

Kerajaan akan memastikan perbelanjaan yang lebih berhemat dengan keutamaan kepada projek berimpak tinggi dan memberi fokus kepada kecekapan dan hasil bajet melalui pelaksanaan penuh OBB pada 2015. Tambahan pula, perakaunan akrual akan diguna pakai bagi mencerminkan pengurusan kewangan Kerajaan yang lebih komprehensif dan holistik. Selaras dengan pelan konsolidasi fiskal, inisiatif pembaharuan akan terus dipandu oleh rangka kerja fiskal jangka sederhana. Kerajaan akan terus mematuhi garis panduan pengurusan hutang bagi memastikan nisbah hutang kepada KDNK tidak melebihi 55% sementara bayaran khidmat hutang dihadkan di bawah paras 15% daripada jumlah hasil.

Pengukuhan Modal Insan

Langkah akan terus diambil untuk memperkukuh modal insan di semua peringkat. Meningkatkan kualiti pengajaran bagi memastikan pencapaian pelajar yang lebih baik akan

diberi keutamaan. Selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia, Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan guru. Kerajaan juga akan mempergiatkan usaha untuk meningkatkan pengambilan dan memperbaiki prestasi pelajar dalam bidang sains, teknologi dan matematik sebagai usaha negara ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi.

Kerajaan akan memastikan sekolah mempunyai infrastruktur dan kemudahan yang mencukupi. Ini termasuk membina blok baru, menaik taraf kemudahan sedia ada, memastikan penyelenggaraan kemudahan sekolah, mengurangkan bilangan pelajar bagi setiap bilik darjah dan menyediakan kemudahan Internet. Sekolah Amanah akan terus diwujudkan dengan kerjasama ibu bapa, komuniti dan sektor swasta untuk membangunkan kepimpinan, meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran serta memaksimumkan pencapaian pelajar. Selain itu, Kerajaan akan memastikan bahawa setiap kanak-kanak diberi peluang yang sama dalam pendidikan. Dalam hal ini, bantuan persekolahan, pinjaman dan biasiswa akan diberikan kepada pelajar terutama daripada keluarga berpendapatan rendah.

Untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan, usaha akan ditumpukan kepada meningkatkan kualiti graduan. Ini termasuk kajian semula kurikulum, pengukuhan kemahiran *soft skill* seperti penyelesaian masalah, pemikiran analitikal, inovasi dan kreativiti serta penguasaan bahasa. Memandangkan penguasaan bahasa Inggeris adalah kemahiran penting untuk memperolehi pekerjaan dan masa hadapan yang lebih baik, pelajar universiti akan diwajibkan untuk lulus subjek tersebut.

Sektor swasta mempunyai peranan penting untuk memberikan latihan dan kemahiran kepada pekerja bagi meningkatkan produktiviti buruh dan membolehkan pekerja mendapat gaji lebih tinggi. Kerjasama yang lebih erat antara pihak akademik, industri dan institut latihan akan diperkukuh untuk menyediakan kemahiran yang diperlukan bagi

industri, termasuk 12 NKEA. Dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan dalam pasaran buruh, Kerajaan akan melaksanakan kajian terperinci ke atas Akta Kerja 1955 untuk meningkatkan perlindungan bagi pekerja dan majikan selaras dengan piawaian buruh antarabangsa. Di samping itu, Skim Insurans Pekerjaan akan diperkenalkan bagi mengukuhkan lagi jaringan keselamatan sosial dan menjadikan pasaran buruh lebih fleksibel.

Menyedari hakikat bahawa belia merangkumi 45.9% daripada jumlah keseluruhan penduduk, penekanan akan diberikan kepada pembangunan belia untuk memastikan pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang yang mampan. Oleh itu, Bajet 2015 akan menyediakan pelbagai program bagi pembangunan belia. Antaranya, bandar belia, perumahan, latihan kemahiran dan program keusahawanan.

Kerajaan akan memantapkan usaha untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh, termasuk pengambilan semula wanita ke dalam tenaga kerja dan menyediakan wanita profesional untuk memegang jawatan pembuat keputusan di peringkat lebih tinggi dalam sektor swasta. JobsMalaysia akan diperkukuhkan bagi menyediakan perkhidmatan padanan pasaran kerja yang lebih cekap selari peningkatan permintaan pasaran kerja. Kerajaan juga akan memantau penguatkuasaan Perintah Gaji Minimum untuk memastikan pematuan peraturan oleh majikan. Program pemeriksaan kesihatan asas akan diperkenalkan bagi pekerja yang belum pernah menjalani pemeriksaan perubatan.

Memakmurkan Rakyat

Menyedari kepentingan pengembangan ekonomi modal dari segi pelaburan dan penajaan kekayaan, penekanan yang sama perlu diberi kepada ekonomi rakyat. Antara aspek yang perlu diberi perhatian termasuk kos sara hidup, kualiti hidup, keselamatan dan ketenteraman awam serta isu belia dan OKU.

Untuk mengurangkan beban rakyat berikutan peningkatan kos sara hidup, Kerajaan akan terus menyediakan pelbagai bantuan dan insentif, terutama kepada yang kurang bernasib baik, kurang upaya, ibu tunggal serta warga tua. Langkah ini diambil bagi memastikan barangan dan perkhidmatan, termasuk keperluan asas disediakan untuk rakyat pada kos yang berpatutan. Dalam hal ini, penyediaan rumah yang berkualiti dan mampu milik untuk kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana akan terus diberi keutamaan. Selain itu, Kerajaan akan terus menyediakan bantuan wang tunai seperti BR1M, bantuan pesekolahan dan kebajikan lain. Memandangkan harga komoditi yang rendah akan memberi kesan terutama kepada pekebun kecil, Kerajaan akan menyediakan mekanisme sokongan harga untuk mengurangkan kesan penurunan pendapatan.

Kerajaan akan terus memperkukuhkan keselamatan negara dengan meningkatkan peruntukkan untuk pelantikan anggota pertahanan, pembinaan infrastruktur baharu serta perolehan peralatan dan aset terkini. Bagi memastikan sempadan negara dikawal rapi, ESSCOM akan diperkukuhkan dengan penambahan anggota dalam pelbagai peringkat termasuk penubuhan Briged Infantri Tentera Darat. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang mengawasi zon maritim Malaysia dan laut dalam akan dilengkapi dengan kapal, kapal terbang dan peralatan sokongan yang terkini. Langkah ini akan menambahkan kesiapsiagaan bagi menghadapi sebarang situasi kecemasan dan menjamin keselamatan negara.

Peruntukkan juga akan disediakan untuk memperbaiki infrastruktur asas termasuk rangkaian jalan dan jambatan, perkhidmatan kereta api, pelabuhan dan lapangan terbang serta kemudahan utiliti. Antara projek infrastruktur berimpak tinggi adalah Lebuhraya Pan Borneo, Jajaran MRT 2 dan *River of Life* yang akan menjana pertumbuhan ekonomi dan memanfaatkan rakyat. Sementara itu, bagi memastikan kemampanan bekalan air dalam jangka masa panjang, Kerajaan akan menyediakan hala tuju strategik untuk industri air, meneroka

sumber air bawah tanah, mengurangkan NRW dan melaksanakan amalan terbaik pengurusan air untuk industri dan pertanian.

Bajet 2015 akan turut memberi tumpuan bagi memperkukuh perkhidmatan kesihatan dan pengambilan kakitangan kesihatan, menaiktaraf serta membina hospital dan klinik serta membeli peralatan baru. Selain itu, peruntukan yang mencukupi akan disediakan bagi menangani insiden kes denggi yang tinggi serta menyediakan tambahan peralatan hemodialisis di hospital.

Untuk merapatkan jurang antara masyarakat bandar dan luar bandar, strategi pembangunan akan dipertingkatkan bagi menyediakan infrastruktur dan kemudahan moden serta memperkukuh program pembangunan sosioekonomi. Ke arah ini, Bajet 2015 terus memberi tumpuan kepada program berimpak tinggi, berkost rendah dan pantas dilaksanakan di bawah NBOS, termasuk Program Transformasi Luar Bandar (RTP) dan Program Transformasi Bandar (UTP) dan juga GTP. Sementara itu, pembangunan di lima wilayah koridor akan dipergiat melalui kerjasama sektor awam dan swasta.

Untuk memanfaatkan potensi di kalangan belia, Kerajaan akan menggalakkan lebih ramai golongan muda terlibat dalam pelbagai program keusahawanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini termasuk program keusahawanan MaGIC dan juga mengukuhkan penglibatan persatuan usahawan belia di rantau ASEAN. Kerajaan juga akan memperkukuhkan lagi penyertaan Bumiputera dalam pembangunan ekonomi termasuk bidang keusahawanan, pemilikan ekuiti dan pendidikan.

Di samping itu, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada sukan melalui pembangunan Pelan Induk Sukan yang bertujuan untuk mencapai kecemerlangan dalam sukan dan meningkatkan imej negara. Rakyat akan digalakkan untuk mengamalkan gaya hidup sihat, yang akhirnya akan memastikan kesihatan dan meningkatkan

produktiviti. Sementara itu, Kerajaan akan meningkatkan jumlah PAWE serta bantuan kewangan kepada OKU.

Pelaksanaan Digital Malaysia akan mewujudkan satu ekosistem yang menggalakkan penggunaan ICT secara meluas dalam semua aspek ekonomi untuk menghubungkan masyarakat di seluruh dunia. Usaha akan diperhebat bagi meningkatkan akses Internet dan penggunaan teknologi digital untuk menyambung dan memperkasa Kerajaan, perniagaan dan rakyat. Selain itu, Kerajaan akan terus menggalakkan lagi sektor swasta, NGO, badan korporat serta Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan melalui Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), seperti program pembangunan komuniti, biasiswa, pendidikan, sukan dan perlindungan alam sekitar.

Prospek 2015

Ekonomi Malaysia dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan pada 2015 dipacu oleh permintaan domestik yang berdaya tahan dan pengukuhan sektor luar. Memandangkan prospek ekonomi global bertambah baik dan dimantapkan dengan langkah Bajet 2015 yang terus menyokong pertumbuhan dan program transformasi, KDNK dijangka terus berkembang kukuh pada kadar antara 5% hingga 6% pada 2015. Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko luaran, termasuk pertumbuhan perlahan dan tidak seimbang di kawasan euro, peningkatan tekanan deflasi dalam ekonomi maju, pertumbuhan lebih perlahan dalam pasaran negara membangun dan normalisasi kadar faedah di AS lebih awal daripada jangkaan serta ketegangan geopolitik yang menjejaskan pertumbuhan global.

Daripada sudut permintaan, pertumbuhan akan dipacu sektor swasta berikutan kejayaan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan sejak beberapa tahun kebelakangan dalam menyediakan persekitaran kondusif untuk pengembangan aktiviti ekonomi swasta. Pelaburan swasta akan kekal cergas dan dijangka mencatat

pertumbuhan kukuh disokong oleh pelaksanaan sedia ada RMKe-10, ETP dan GTP. Walaupun penggunaan swasta dijangka sederhana, prospek guna tenaga yang menggalakkan, bantuan tunai Kerajaan dan cukai pendapatan individu yang lebih rendah serta pendapatan isi rumah yang lebih tinggi, dijangka akan mengurangkan kesan kenaikan harga penggunaan. Sementara itu, pelaburan awam akan terus menyokong pertumbuhan dengan perbelanjaan modal yang tinggi oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK). Dari sudut penawaran, semua sektor dijangka terus berkembang dengan sektor pembuatan dan perkhidmatan kekal sebagai enjin pertumbuhan yang dipacu oleh aktiviti ekonomi domestik yang mampan dan aktiviti pembuatan berorientasikan eksport serta perkhidmatan berkaitan perdagangan lebih yang tinggi. Kedudukan luaran Malaysia dijangka kekal kukuh selaras dengan prospek yang bertambah baik bagi pertumbuhan ekonomi global dan perdagangan. Akaun semasa dijangka kekal mencatatkan lebihan pada 2015.

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) akan dibentangkan pada 2015 bagi mempercepatkan transformasi ke arah status negara maju. Rancangan ini dijangka memberi tumpuan kepada mengukuhkan pertumbuhan terutamanya sektor dalam perkhidmatan dan pembuatan; memanfaatkan modal insan; menggalakkan keusahawanan, terutamanya di kalangan belia; memantapkan pengurusan alam sekitar; meningkatkan kesejahteraan rakyat; dan memastikan pembangunan secara inklusif. RMKe-11 ini juga dijangka akan menggalakkan sektor swasta menjadi lebih dinamik, terutama PKS dalam meningkatkan sumbangan mereka kepada ekonomi.

Inflasi dijangka kekal terkawal walaupun menunjukkan peningkatan arah aliran melebihi purata jangka panjang sebahagiannya disebabkan oleh pelaksanaan GST dan kesan daripada

rasionalisasi subsidi minyak pada awal Oktober 2014. Walau bagaimanapun, dengan harga luaran yang dijangka perlahan, kesan GST ke atas inflasi akan bersifat sementara dan pertumbuhan dianggar akan kembali normal pada 2016 setelah faktor kos domestik menurun. Secara keseluruhannya, kadar inflasi dijangka meningkat kepada 4% – 5% pada 2015. Sementara itu, Kerajaan akan terus memastikan bekalan makanan utama adalah mencukupi melalui peningkatan hasil pertanian dan pembukaan lebih banyak pusat penjualan seperti KR1M dan pasar tani. Penguatkuasaan juga akan ditingkatkan untuk memantau harga barangan dan memastikan pengguna mampu membeli barang keperluan pada harga berpatutan.

Dasar fiskal pada 2015 akan terus menumpukan untuk memperbaiki kedudukan fiskal Kerajaan di samping menyokong pertumbuhan ekonomi dan inisiatif pembaharuan. Defisit pada 2015 dijangka akan terus berkurangan kepada 3% daripada KDNK dengan pertumbuhan hasil yang melebihi perbelanjaan. Jumlah perbelanjaan Kerajaan pula akan terus stabil pada RM271.9 bilion sementara pendapatan dianggarkan lebih tinggi pada RM235.2 bilion. Kerajaan terus komited untuk meneruskan dasar fiskal yang kukuh dan telah mengambil pendekatan pelbagai serampang ke arah mencapai bajet berimbang pada 2020. Inisiatif ini termasuk pelaksanaan GST, perakaunan akruan dan OBB serta pelaksanaan mekanisme subsidi bahan api yang lebih bersasar. Sementara itu, Kerajaan akan menghadkan hutang di bawah 55% daripada KDNK di samping memastikan hasil adalah lebih untuk menampung perbelanjaan operasi. Kerjasama erat antara agensi akan terus diperkukuh dalam pelaksanaan program untuk mengelakkan pembaziran dan pertindihan serta mengoptimumkan penggunaan aset awam. Melalui pengurusan kewangan berhemat dan pelaksanaan dasar yang pragmatik, kedudukan fiskal Kerajaan akan kekal kukuh.